

Dato' Andika  
Mendelika

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالْعِاقِبةُ لِلْمُتَقِيْنَ، وَلَا عَدُوٌّ لَّا  
إِلَّا عَلَى النَّذَالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ سَيِّدُ الْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ وَعَلَى اللَّهِ وَصَاحِبِهِ  
الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُ وَنَصَرَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Firman Allah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"وَلَا تُلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ".

Dan janganlah kamu campur-adukan kebenaran dengan yang batil, kamu sembunyikan kebenaran itu, pada hal kamu mengatahuiinya."

(Al-Baqarah - Ayat 42)

# Krisis adat

## Pemilihan Raja Rahim dikatakan melanggar aturan adat

MESYUARAT Dewan Keadilan dan Undang Negeri Segbilan minggu lalu menolak pencalonan Raja Rahim Raja Razak sebagai Undang Luak Sungai Ujong yang baru kerana pemilihannya dikatakan melanggar aturan adat.

Nama Raja Rahim dikemukakan oleh Datuk Andika Mendelka, Datuk Fadzil Nordin, yang dikatakan tidak berbincang terlebih dahulu dengan tiga lagi Tlang Balai Luak Sungai Ujong termasuk Datuk Raja, Datuk Azman Jamius.

### Kata Perbilangan 'Adat':-

- \* 'Adat bersendikan hukum  
Hukum bersendikan Kitabullah  
Syarak mengata 'adat menurut.'

### Firman Allah:-

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ  
بِمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَيْهِ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِفِينَ خَصِّمْهَا .

( سورة النساء : آيات - 105 )

### Ertinya:-

- \* Sesungguhnya Kami telah turunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran supaya menghukum antara manusia dengan apa yang telah diwahyukan Allah kepadamu. Janganlah engkau pembela bagi mereka yang khianat."

## 'ADAT PERPATIH

### Ada pun pantun orang tua-tua

Rama-rama sikumbang jati  
Lembaga dihilir menunggang kuda  
Natah tumbuh hilang berganti  
Pesaka bergilir pada yang muda

Kilat banyak perkara kilat  
Tak ada bertih padi direndang  
Takkan bolih dipua lagi  
'Adat banyak perkara 'Adat  
'Adat Perpatih dipakai Undang  
Takkan bolih ditukar lagi

Lemah sudah anak tenggiri  
Acirana sebab takut dik jala  
Tambahkan pulak kena dik tuba  
Natah tumbuh hilang berganti  
Pesaka lama dibela juar  
Taribahkan pulak 'Adat Lembaga

Kelau ber'adat sekali lalu  
Sijak berbilang tidak berguru  
Banyak fahamnya jadi keliru  
Meragut merambah bagai peluru

Berburu kepadang datar  
Dapat rusa belang kaki  
Kalau berguru kepalang ajar  
Bagai bunga kembang tak jadi.

### Sebab itu Rukun 'Adat dimaktubkan:-

Pertama Kalam Allah  
seduri Kalam Naui  
M'tiga kalam yang tua  
Keempat kata muafakat  
Selima bersalsasilah  
Keenam berteromia,

'Adat Perpatih ini ada Undang-  
Undang dan peraturannya yang  
tak bolih dinubah-ubah.

Tiap-tiap yang hilang itu ha-  
rus dicari gantinya dengan se-  
cepat mungkin mengikut gilir  
siapa yang patut menggantikannya.

Betapa pentingnya pengetahuan  
'Adat ini untuk difahamkan ke-  
mudian mempraktikkannya mengik-  
ut peraturan.

Jangan melakukan perbuatan  
yang alang kepalang seperti  
kata:

" Alang tukang binasa kayu  
Alang cerdik binasa 'Adat  
Alang 'alim rosak Ugama  
Alang sefaham kacau negeri"

'Adat harus dikaji, demengerti dan seterusnya dinekmati:

Mari dihawai sehabis rasa  
Biar dikeruk sehabis gaung  
Faham dikisai maksud diraba  
Supaya tujuan bertemu langsung

Rangkapan madah jadi pedoman  
Barisan gurindam jadi pegangan  
Berlarut usia rapuhnya tidak  
Hingga kini jadi ' Perbilangan '.

Ungkapan

Yang telah dijadikan  
Perbilangan harus di  
pakai sebagai Undang  
Undang dan peraturan

Dalam mengatasi krisis dan pertikaian Perbilangan 'Adat, ada  
mengatakan:

Tak ada kusut yang tak dapat diselesaikan  
Tak ada keruh yang tak dapat dijernihkan  
Kusut rambut cari minyak dan sikat  
Kusut benang cari hujung dan pangkal

Semua kekosongan itu  
boleh diselesaikan  
asalkan saja mereka  
mahu menyelesaikan  
nya.

Tiap-tiap sesuatu ada permulaan dan ada kesudahan:

Awal berpermulaan, akhir berkesudahan  
Hujan berpokok, kata berpangkal  
Sakit bermula mati bersebab  
Usul usul , asal asal  
Asas jangan ditinggalkan  
Asal mengaji dari alif  
Asal berbilang dari esa  
Yang dikaji dan dibilang ialah :-

'Adat dan pesaka  
Ada Waris ada Lembaga  
Ada Salasilah dan Teromba  
Ada Terasul bilangan kata-kata

Dalam menentukan pemilihan dikatakan:

Bilat Lembaga menjadikan ' Undang '  
'Undang' bertapak dari Warisnya  
Gemuk berpupuk, segar bersiram olih Warisnya

Kelau di Sungai Ujong ia ditentukan:

Jika di Hulu menyandang pesaka  
Dato' Johan Tua Warisnya  
Jika di Hilir menyandang pesaka  
Dato' Maharaja Lela Tua Warisnya

Oleh itu:

Pesaka sama dibela  
Lembaga sama dituang  
Adat sama dijaga  
Alur sama diturut  
Dik 'Adat datar pesaka satu  
Peruang-ruang bak durian  
Berlopak-lopak bak sawah  
Lubuk orang jangan dikacau  
Adat orang jangan dicela  
Hak orang jangan diambil  
Hak kita jangan "diberikan orang"  
( 13 )

Adat mengatakan:

Sepakat kata selamat  
Berdosta pangkal sengketa  
Adat berdasarkan pada muafakat  
Muafakat berdasarkan pada yang benar  
Benar berdiri dengan sendirinya  
Yang dinamakan alur dan patut  
Tatkala kechik dinamakan muafakat  
Tatkala besar dinamakan 'Adat  
Teguh 'Adat kerana muafakat  
Rosak 'Adat kerana rebutan  
Laruh pesaka kerana buatan  
Landasan ada diikut tidak  
'Adat Lembaga dialih anjak

Waris-Waris Perut Hulu ini  
telah bersengketa sesama  
sendiri. Pemecatan Dato' Jo-  
han telah dibuat oleh Ibu  
Soko sejak lebih kurang 8  
tahun yang lalu.

Dato' Andika masih hendak  
mengujudkan Pesaka Kelana  
di Hulu. Disegi 'Adat-nya  
ia tak bolih, sebab Lembaga  
Waris Kelana Perut Hulu Da-  
to' Johan tidak ujud.

Seterusnya 'Adat berkata:

Kelebihan Nabi dengan Mukjizat  
Kelebihan umat dengan muafakat  
Air melurut dengan bandarnya  
Benar melurut dengan muafakatnya  
Negeri bertumbuh dengan 'Adatnya

Dato' Andika Mendelika telah mengadakan perundingan Lembaga Waris Kelana Lembaga Tiga Persukuan. Ini makna muafakat tak pernah ujudkan oleh beliau dikalai Lembaga-Lembaga 'Adatnya.

Dalam menyelesaikan sebarang masaalah dikatakan pula:

Cari-carian dalam anak buah  
Kusut diselesaikan  
Salah diberi benarnya  
Bertunggul ditarah  
Jika kesat dimempelasi  
Bila dapat benarnya  
Bermakna kata sudah perbuatan habis  
Tetapi kalau tak dapat benarnya  
Disampaikan kepada 'Undang'  
Kok tak ada 'Undang' disampaikan kepada 'Keadilan'  
Kok tinggi mintak disigaikan  
Kok keras mintak ditakikkan

Untuk melaksanakan Undang-Undang dan peraturan dikatakan:

Menghukum 'adil berkata benar  
Tidak bolih berpehak-pehak  
Hukuman 'adil dijalankan  
Nan benar dianjak tidak  
Hukum berdiri dengan saksi  
'Adat berdiri dengan tanda

Dewan Keadilan mesti berlaku 'adil.  
Saksinya ialah Dato' Shahbandar  
'Adat didirikan di Balai Undang

Tak ada benar dicari benar  
Bersua benar jangan disiahsikan  
Nak mencari benar ikutlah jejak  
Ibarat orang memburu  
Jejak mendaki menukik  
Jejak menurun mendorong  
Hilang jejak bersua benda  
Bila benar dah bersua tak bolih dielakkan".

Sebab itu dikatakan:

Kelaut menuju alur  
Kedarat menuju benar  
Siapa yang tak menuju benar  
Dikutuk dik 'Adat, dilaknat dik syarak  
Sebab 'Adat bersendikan hukum  
Hukum bersendikan Kitabullah  
Kuat 'Adat tak gaduh hukum  
Kuat hukum tak gaduh 'Adat  
Syarak mengata 'Adat menurut  
'Adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk  
Syarak menyuruh buat baik menegah buat mungkar

Maksud ' menimbulkan yang baik '

Yang usang diperbaharui  
Yang celok dipakai  
Yang buruk dibuang  
Yang condong ditupang  
Yang lapuk dikajangi  
Kok singkat minta diulas  
Man urpang minta disisit  
Kalau makan biarlah yang halal  
Kalau memakai biarlah yang suci  
Melihat contoh pada yang lampau  
Melihat tuah pada yang menang ".

Maksud menyuruh buat baik, menegah buat mungkar

Firman Allah :

" Hendaklah ada diantara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan menyuruh membuat 'amal ma'aruf dan milarang dari membuat mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berilih kemenangan".

(Al-Imran - Ayat 104 )

" Dan janganlah kamu campur-adukan kebenaran dengan yang batil, kamu sembunyikan kebenaran itu, pada hal kamu mengetahuinya".

( Al-Baqarah - Ayat 42 )

" Jika dua gulungan orang-orang Mukmin bertelagah (berperang) hendaklah kamu damaikan antara keduanya. Maka jika salah satu diantara keduanya iniaya kepada yang lain hendaklah kamu tangani gulungan yang iniaya itu sehingga ia kembali kepada jalan Allah. Jika ia kembali hendaklah damai kan antara keduanya dengan ke'adilan dan hendaklah kamu berlaku 'adil. Sesungguhnya Allah mengasihi orang - orang yang 'adil.

( Al-Hujurat - Ayat 9 )

XXXXXXXXXXXX  
XXXXXXX  
XXX  
X

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

" وَإِنْ طَائِقُنَا مِنَ الْمُوْنَيْنَ اقْتَلُوا ، فَاصْلِحُوا بَيْنَهُمَا .  
فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَيْهُمَا عَلَى الْأُخْرَى ، فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبَغِي  
حَتَّى تَبْغِي ، إِلَى أَمْرِ اللَّهِ ، فَإِنْ فَآتَتْ فَاصْلِحُوا بَيْنَهُمَا  
بِالْعَدْلِ وَاقْسِطُوا ، إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ . "

- - -

**SENARAI NAMA-NAMA UNDANG LUAK SUNGAI UJONG  
DATO' KELANA PETRA**

---

KELANA BADOR	:	TAHUN 1760	- PERUT KG.DUSUN - HULU
KELANA LEHA	:	TAHUN 1780	- PERUT KG.DUSUN - HULU
KELANA BAHI	:	TAHUN 1800	- PERUT SETOL - HILIR
KELANA KAWAL	:	TAHUN 1830	- PERUT KG.DUSUN - HULU
KELANA SENDENG	:	TAHUN 1850	- PERUT KG.DUSUN - HULU
KELANA SYD. ABDUL RAHMAN	:	TAHUN 1872-1881	- PERUT SETOL - HILIR
KELANA MOHD YUSOF	:	TAHUN 1881-1889	- PERUT SETOL - HILIR
KELANA MA'AMOR	:	TAHUN 1889-1945	- PERUT KG.DUSUN - HULU
KELANA MOHD KASSIM	:	TAHUN 1945-1983	- PERUT KG.GEDANG- HILIR

**NUTA:**

Perut Hulu telah menyandang pesaka Kelana 5 kali

Perut Hilir telah menyandang Pesaka Kelana 4 kali

Berpandu kepada senarai yang tertera diatas dalam ma-  
lah penentuan giliran pesaka Kelana Luak Sungai Ujong tidak  
emasinya sekali ke Hulu dan sekali ke hilir malah ia boleh dua  
ali ke Hulu dan dua kali ke Hilir.

Oleh itu dalam menentukan giliran pesaka Kelana Yang  
ini mengikut 'Adatnya amat wajar dan tepat sekali ia digi-  
rran ke Hilir iaitu mengikut sebagaimana contoh giliran yang te-  
at berlaku dimasa-masa yang lampau ( sila lehat senarai diatas ).

Selain dari itu ialah untuk mengimbangkan supaya gi-

ia

liran pesaka itu dapat dirasai sama rata/itu 5 kali ke Hulu dan 5 kali ke Hilir. Sebab-sebab yang lain pesaka itu tidak dibolihkan dibawa ke Hulu ialah :-

1. Perut di Hulu ketiadaan Tua Buapak Waris Kelana iaitu Dato' Johan.
2. Waris-Waris di Hulu masing-masing berlepas tangan tidak memelihara pesaka 'Dato' Johan 'ertinya pesaka kecil tidak diujudkan bagaimana pula hendakkan pesaka yang lebih besar iaitu 'Pesaka Undang' .
3. Mengikut 'Adatnya Dato' Johan telah tertanam bersama Al-Marhum Dato' Kelana Mohd Kassim oleh sebab kesalahan dan kesilapan Waris-Waris di Hulu sendiri kerana tidak mahu menghidupkannya semasa hayat Al-Marhum itu masih ada. Sehingga peluang terakhir diberikan kepada mereka Waris-Waris di Hulu untuk menghidupkannya kembali dimalam terakhir Jenazah Al-Marhum Dato' Kelana Mohd Kassim masih bersemadi diBalai Undang sebelum penyempurnaan Istiadat pengekehbumian dilangsungkan sepenuhnya pada keesokan harinya.
4. Dalam peraturan 'Adat untuk mengujudkan kembali pesaka Dato' Johan yang telah tertanam terpaksalah menantikan ujudnya Undang yang baharu. Mengikut 'Adat Undang saha-ja yang bolih menghidupkannya.

Perbilangan ada mengatakan,"

Sah batal kepada Lembaga  
Hidup mati kepada Undang".

Sepatutnya Dato' Andika Mendelika mesti mengikut peraturan ini. Undang tidak boleh diujudkan di Hulu pada kali ini disebabkan Tua Buapak Waris Kelana Perut Hulu iaitu 'DATO' JOHAN ' tidak ujud untuk memelihara pesaka itu.

5. Atas sebab-sebab pesaka di Hulu telah rosak dan kerusakan itu adalah berpunca dari krisis krisis yang berlaku dikalangan mereka sejak awal-awal lagi ia itu sejak Dato' Johan Razali bin Khalid dipecat dari jawatannya oih Ibu Soko Waris Hulu lebih kurang 8 tahun yang lalu. Dalam beberapa kerapatan Waris-Waris Hulu tidak mendapat kebulatan untuk menyelesaikan masalah mereka. Mereka sering berbalah, bertelagah dan bertengkar setiap kali mengadakan perjumpaan. Inilah yang dikatakan kecacatan dan kerrosakan dalam 'Adat. Jika dibiarkan persengketaan ini berterusan ia akan bertambah rumit. Sebab itulah Pesaka Kelana Yang Ke-10 ini wajib dibawa ke Hiliar.


Dalam membawa pesaka ini ke Hiliar oih Dato'Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana ( Perut Hiliar ) bukanlah bererti beliau merampas pesaka itu. Malah hanya sekedar untuk menyelamatkannya ; kerana dalam mengatasi sebarang masalah yang timbul dikalangan Waris-Waris sama ada Hulu mahu pun Hiliar diwaktu ketiadaan salah seorang Lembaga Waris Kelana Sungai Ujong, maka Lembaga Waris Kelana yang ujud sahaja yang boleh mengambil alih tugas yang seorang lagi.

Oih itu sudah sewajarnyalah Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana Perut Hiliar melaksanakan tugasnya semana dengan ketiadaan Dato' Johan membolihkan beliau bertindak demikian.

Sayugia diingat iaitu dalam pemilihan Undang Luak Sungai Ujong ini ada peraturannya. Pada dasarnya pemilihan ini malah ditangan Waris-Waris dan Ibu-Ibu Soko. Dato' Andika Mendulika tidak berhak memilih dan menentukan calun mengikut sesuatu hatinya selain dari calun yang diproses melalui Lembaga Waris Kelana sama ada Hulu mahu pun Hiliar yang menerima mandat dari Ibu-Ibu Soko serta Waris-Waris. Calun calun itu kemudiannya diserujukkan kepada Dato' Dato' Lembaga Tiga Persukuan. Dalam perasa perlantikan Undang Luak Sungai Ujong ini peranan Dato' Dato' tiga persukuan ini amat mustahak kerana mereka akan me-

nampi dan memilih benih untuk mencari benih yang baik yang sah dalam Waris yang tertentu serta dapat pula disusur galur keturunannya, iaitu benih yang mempunyai tunas tumbuh dimata dan bukannya tunas tumbuh dirusuk.

RAJAH (1)



Oleh kerana ' Undang ' itu tunggak kebesaran umpama mata air yang mengalir maka hendaklah ada salurannya, disiasat solidik dari akar umbinya. Sebab 'Undang' itu bertapak dari Warisnya dan bersandar kepada Lembaga-Lembaganya. Rujuk kembali buku (2) dalam buku ini akan perbilangan yang berbunyi:-


" Usul usul, asal asal  
Asas jangan ditinggalkan  
Asal mengaji dari alif  
Asal berbilang dari esa  
Yang dikaji dan dibilang ialah,"  
'Adat dan pesaka  
Ada Waris, ada Lembaga  
Ada Salasilah dan Teromba  
..... "

Meneliti akan peraturan dan Perbilangan, ini kita dapat perkataan-perkataan (1) 'Adat ertinya 'Adat Perpatih . (2) Pesaka ertinya Pesaka Kelana (3) Waris ertinya Waris Kelana (4) Lembaga ertinya Lembaga Waris Kelana (5) Salasilah ertinya Rajah menentukan susur-galur keturunan (6)Terombo ertinya Himpunan sejarah 'Adat Sungai Ujong .

Oleh itu memperkatakan pertikaian perlantikan Undang Luak Sungai Ujong ini amatlah tepat pada 'Adatnya Dato' Andika Mendelika sebagai salah seorang Lembaga Tiang Balai tidak bolih menolak calun yang dikemukakan oleh Dato' Maharaja Lola sebagai Lembaga Waris Kelana yang telah merundingkannya dengan Lembaga Tiga Persukuan bahawa calun yang dikemukakan oleh Lembaga-Lembaga yang sama-sama mempunyai bidang kuasa dalam menentukan calun adalah, mengikut 'Adat dan pesaka, mengikut Waris dan Lembaga yang dikenali Lembaga Waris Kelana.

Sepatutnya Dato' Andika Mendelika sebelum mengambil tindakan lanjut terlebih dahulu membincangkannya dengan Lembaga Waris Kelana ini dengan dihadziri oleh Lembaga-Lembaga Tiga Persukuan ( lihat rajah (2) ). Tetapi Dato' Andika Mendelika menolak segala perundingan. Pada dasarnya beliau telah menuntaskan seraturan .

RAJAH (2)



Pada hakikatnya Dato' Andika Mendelika sudah meninggalan 'Adat. Dato' Andika Mendelika tidak lagi mewakili Dato' Dato' Lembaga 'Adat ditempat 'Adat itu bertapak. Beliau menyentuh diri dalam melaksanakan tugas-tugas 'Adat khusus dalam menyempurnakan kejadian Undang Luak Sungai Ujong Yang ke-10 ini.

Kerjadian Dato' Andika Mendelika dipersoalkan

Dalam 'Adat seseorang yang menjadi ketua itu di-angkat jadi kerana ia telah diberi kepercayaan. Ia besar kerana dibersyarkan dan ia berkuasa kerana diberi kuasa. Tumbuhnya ditanam, maturnya dipupuk dan segarnya disiram. Tetapi jika sekiranya ia tidak lagi dipercayai dan diberi kuasa oleh mereka yang mengakongnya dimanakah tempat ia berjejak? Kepada siapa khidmat yang akan disumbangkannya? Dan tugas apa pula yang akan dilakukannya?

Demikianlah halnya dengan kerjadian Dato' Andika Mendelika. Beliau menganggap dirinya amat penting dalam melaksanakan tugas-tugas 'Adat tetapi perbuatan dan tindak-tanduknya membuat beliau tidak penting atas sebab-sebab:-


1. Beliau telah jauh meninggalkan Dato' Dato' Lembaga 'Adatnya serta anak-anak buah.
2. Sebagai seorang Dato' Lembaga 'Adat beliau lansung tidak mengadakan kerapatan dan muafakat dengan Lembaga Waris Kelana iaitu Dato' Maharaja Lela dan Dato' Dato' Tiga Persukan untuk membincangkan perkara perlantikan 'Undang'.
3. Dato' Andika Mendelika didapati tidak menjalankan amanah yang telah diamanahkan kepadanya walau pun telah diberi kuasa selama 100 hari sebagai 'Pemangku Undang' bagi menyempurnakan perlantikan 'Undang' mengikut peraturan 'Adat Luak Sungai Ujong'.
4. Beliau didapati sengaja melambat-lambatkan perlantikan 'Undang' kerana untuk kepentingan dirinya mencari laba.
5. Beliau membuat komplotnya sendiri dengan dianggotai hanya oleh Dato' Akhir Zaman (yang telah dipecat oleh Waris-warisnya dan disahkan pemecatannya oleh Dato' Shahbandar), beliau meninggalkan dua lagi Lem-

laga Tiang Balai iaitu Dato' Sri Maharaja Diraja dan Dato' Muda Labu.

6. Beliau tidak mahu bekerjasama dengan Dato' Shahbandar dalam mengatasi sebarang masaalah perlantikan 'Undang' seumpama dalam cadangan mengadakan kerapatan Mengokoh 'Adat pada 7hb. September, 1985 di Balai Undang Luak Sungai Ujong. Sebenarnya kerapatan itu telah dipersetujui oleh Dato' Dato' Lembaga Waris diDarat yang diketuai sendiri oleh Lembaga Waris Kelana iaitu Dato' Maharaja Lela.
7. Perbuatan Dato' Andika Mendelika mengunci pintu Balai Undang adalah satu perbuatan yang tak bertanggung-jawab dan tidak menghormati peraturan 'Adat kerana perjumpaan yang dicadang pada waktu dan tarikh tersebut adalah atas permintaan Waris-Waris dan Lembaga 'Adat untuk mencari kata muafakat.
8. Dato' Andika sendiri bukanlah 'Undang' dan tidak juga sebagai 'Pemangku Undang.' bahkan tarafnya sama sahaja dengan Lembaga-Lembaga Tiang Balai yang lainnya yang akan hadzir dalam kerapatan itu. Dari segi 'Adat perbuatan Dato' Andika Mendelika itu adalah membuktikan ~~sikap~~ angkuh dan besar diri yang tidak sewajarnya ujud dalam diri seseorang Ketua 'Adat. Beliau seolah-olah langsung tidak mahu kerapatan itu diadakan. Sikap tidak bertanggung jawab beliau dalam mencari penyelesaian dengan menghalang kerapatan yang akan dihadziri oleh Dato' Shahbandar sebagai penasihat bagi membincangkan masaalah-masaalah yang timbul diantara Dato' Dato' Lembaga 'Adat Waris diDarat yang diketuai oleh Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana dengan Lembaga-Lembaga Tiang Balai adalah sikap yang bercanggah sama sekali dengan peraturan 'Adat Istiadat.

Peraturan 'Adat sebenarnya telah menentukan bahawa peranan Lembaga Tiang Balai itu sebenarnya adalah diumpamakan sebagai tiang untuk menegakkan ke'adilan. Lembaga Tiang Balai juga adalah berperanan untuk menentukan benih sebagai calun

RAJAH (3)



UMIANG 'benar-benar telah dipilih mengikut saluran 'Adat  
dan ter 'adat sebagaimana yang dikatakan:-

" Berjenjang naik  
Bertangga turun ".

Peraturan itu dapat dilaksanakan dengan licin tanpa per-

balahan mahu pun penyelewengan mengikut peraturan yang termak. tub dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 , Bab 5 - 1 ceraian 14 (1) yang berbunyi:-

\* Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau hendaklah orang.- orang yang dipilih dengan sahnya menurut 'Adat Luak mereka masing-masing ".

Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggung-jawab Dato' Dato' Lembaga Tiang Balai yang lainnya untuk menasihatkan Dato' Andika Mendelika jika didapati beliau tidak menyempurnakan peraturan dan jika perlu mereka berhak menegur Dato' Andika Mendelika andainya perbuatan dan tindakan Dato' Andika Mendelika didapati bercanggah dengan peraturan 'Adat. Janganlah seperti Dato' Akhir Zaman ( yang telah terpecat ) dan Dato' Dagang Paroi yang telah bersubahat menghantar calun ' Undang ' ke Dewan Keadilan tanpa mengikut saluran iaitu meninggalkan Dato' Shahban dar dan Lembaga Waris Kelana iaitu Dato' Maharaja Lela yang sama-sama mempunyai tugas dan tanggung-jawab dalam bidang kuasa dan kedudukan masing-masing. Tetapi walau bagaimana pun calun yang dikemukakan oleh Dato' Andika Mendelika telah ditolak oleh Dewan Keadilan kerana dikatakan telah melanggar peraturan 'Adat.

Perbuatan sumbang Dato' Andika Mendelika tidak hanya diperengkat Dato' Dato' Lembaga 'Adat Waris diDarat bahkan ia berlaku juga diperengkat Lembaga Tiang Balai iaitu dengan meninggalkan juga Dato' Sri Maharaja Diraja dan Dato' Muda Labu.

Demikianlah telatah Dato' Andika Mendelika jika mengikut 'Adatnya beliau adalah dianggap sebagai ' Orang Beradat tak tahu akan 'Adatnya '. Sebagai Pengurus Lembaga Tiang Balai tidak mahu menegakkan 'Adat di tempat 'Adat itu berdiri malah melanggar pula pantang larangnya sebagaimana yang dikatakan:-

" Mudik mengacau  
Menghilir melonjak  
Menyukai laba dan tamak  
Membuat dosa besar

Mengeruhkan air nan jernih  
Mengusik 'alam nan selesai  
Menangguk diair keruh  
Menahan jerat ditempat genting ".

Perbuatan Dato' Andika Mendelika ini mengakibahkan anak-anak buah berpecah-belah. Dato' Dato' Lembaga 'Adat Waris-Waris diAir dan diDarat bersengketa sama-sama sendiri sehingga mereka sudah-sudahnya mereka berbalah dan bertelagah, caci menaci antara satu sama lain. Kekosongan jawatan ' Undang' menjengku masa lebih dari dua tahun. Apabila diteliti dengan secara lebih mendalam ia adalah disebabkan oleh perbuatan dan tindakan liar oleh Dato' Dato' Lembaga Tiang Balai Waris diDarat sendiri yang diterajui oleh Dato' Andika Mendelik sebagai Tiang Balai Utama yang sepatutnya menjadi orang tengah menyelesaikan masalah tetapi apa yang berlaku adalah disebaliknya beliau dan seorang lagi rakannya yang menimbulkan masalah menggunakan kekuatan untuk kepentingan diri.

Selain dari itu beliau dalam masa memangku jawatan sebagai ' Pemangku Undang ' lebih kurang empat bulan lamanya telah menunjukkan sifat-sifat keangkuhanya. 'Akalnya telah dipengaruh oleh nafsunya. Perasaan besar diri mula bercambah dalam jiwanya. Lagaknya sudah lagak Undang, berbahasa sudah baharu. Undang iaitu berbeta dan bersahabat beta. Beliau cuba menyatakan sebahagian dari anak-anak Waris bahawa beliau berhak diketiraf sebagai tunggak Waris yang teratas sekali tanpa menyedari bahawa kuasanya adalah terhad. Ia dilihadkan oleh peraturan 'adat yang ada tempuh masanya.

Nampaknya semakin dibiarakan beliau semakin menjadi, tak kata orang beri betis hendak peha. Padanya soal perlantikan yang adalah soal kedua soal pertama berapa lama aku bolih duduk ditempat ini ? Hatinya amat ghairah pada nekmat yang belum pernah dirasanya. Bahkan kasihnya kepada tempat duduk ditilam sepuk diBalai Undang lebih mengatasi kasihnya kepada manusia dan ia sebagai penyelaras 'Adat yang telah dipertanggung-jawab kepada kepadanya oleh Lembaga-Lembaga 'Adat Waris diDarat yang

diketuai oleh Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana.

Dato' Maharaja Lela dan Dato' Lembaga Tiga Persukuan yang memberikan beliau kuasa disingirkannya dari meja perundingan. Berunding bagi Dato' Andika Mendelika bererti menggagalkan cita-citanya untuk terus mendapat laba dan nekmat. Niat hati biarlah persengketaan ini berkekalan dan berlanjutan sehingga dengan tidak segan silu beliau menghadirkan dirinya dibeberapa istiadat upacara negeri yang membuktikannya bertambah angkuh dan yakin untuk terus memangku dan kalau bolih untuk terus menjadi Undang Luak Sungai Ujong Yang ke-10 sebagaimana yang dibayangkan oleh waris Dato' Andika Mendelika bahawa Perut Dato' Andika Mendelika pun bolih menuntut Pesaka Undang kononnya.

Sebagai tuggak Lembaga 'Adat Utama di Luak Sungai Ujong tidakkah Dato' Andika Mendelika terfikir bahawa 'Adat telah menetapkan 'Undang' adalah hak Warisnya ( Waris Kelana ). Ia ada mempunyai Tua Lembaganya iaitu Dato' Maharaja Lela dengan sokongan Lembaga Tiga Persukuan. Setekat ini sehingga mana keberkesanan tindakan Dato' Andika Mendelika terhadap Lembaga-Lembaga berkenaan khususnya Lembaga yang Tiga yang mengikut usul asalnya sebagaimana yang disebutkan dalam Perbilangan 'Adat :-

" Menebang kayu nan sebatang  
Mencanteh akar sehelai  
Melambuk tanah sebungkah  
Membuka belah negeri berpenghulu".

Dan sehingga mana pula kuasa yang ada pada Dato' Andika Mendelika bolih sewenang-wenang beraja dihati bersultan dimata untuk mengenepikan peraturan yang sudah media ada ?

Yang berturas berteladan  
Berlukis berlembaga  
Bertunggul berpemarasan  
Mencencang berlandasan

Melompat ber setumpuan  
Yang sebaris tak kan hilang  
Yang setitik takkan padam  
Nan diucap dipakai  
Nan dipesan dibiasakan ".

Beliau seharusnya sedar bahawa keutuhan peraturan 'Adat' diluak Sungai Ujong ini sudah sekian lama berjalan tanpa mengguan olik mana-mana Lembaga 'Adatnya. Tidak ada sesiapa yang cuba memperkecil kedudukan Dato' Dato' Lembaga 'Adatnya sebagaimana yang dilakukan oleh Dato' Andika Mendelika terhadap Lembaga Waris Kelana dan Lembaga Tiga Persukuan yang sama-sama berhak menegakkan 'Adat' dan menjaga kenteteraman Luas ini yang diselaraskan dari Perbilangan 'Adat' yang berbunyi:-

"'Adat bersaudara saudara dipertahankan  
'Adat berkampung kampung kampung dipertahankan  
'Adat bersuku suku dipertahankan  
'Adat berlembaga Lembaga dipertahankan  
'Adat bernegeri negeri dipertahankan ".

Maknanya dipertahankan dari gejala-gejala buruk dan anasir-anasir yang tidak diingini yang akan merosakkan 'Adat itu. Seperti tindakan beliau memperkecil kedudukan Lembaga-lembaga 'Adatnya. Alur tidak diikutnya. Benar ditinggalkan pulalah. Kemurnian dan kesucian 'Adat cuba diperkosa. Kekuatan mufakat Dato' Dato' Lembaga 'Adat yang mempertahankan 'Adat cuba diduganya tanpa mengambil kira bahawa kekuatan dan mufakatan mereka amat padu, lebih padu daripada kuasanya sebagai Lembaga Tiang Falai Utama yang bolih dianggap telah kecundang dalam usahanya mencabul 'Adat. Ia di - kecundangkan oleh perbuatan curang dan sifat angkuhnya dan bolihlah disifatkan beliau pada hari ini ibarat :-

" Ayam jantan jaguh direban  
Kokok berderai  
Ekor bergelumang tahi " .

Segala tindak tanduknya telah menjadi **tatapan** dilembaran-lembaran akhbar. Semua orang tahu siapa Dato' Andika Mendelika yang sebenarnya. Seorang Dato' Lembaga 'Adat yang se-  
ngaja mencari jalan melengah-lengahkan perlantikan ' Undang' dengan tujuan berudang dibalik batu , atas hasrat mencari laba, panjang akar untuk melilit, godang nak melanda.Biarpun beliau telah diturunkan kembali tarafnya sebagai seorang Lembaga Tiang Balai yang sama kedudukannya dengan Lembaga Lembaga Tiang Balai yang lainnya ; namun lagak masih ada kerana laba yang diperolehnya selama ini telah menjamininya.

Tetapi walau bagaimana pun lambat laun kedudukannya akan dipersoalkan juga. Sama seperti mempersoalkan kedudukan seorang rakan karibnya dalam 'Adat iaitu Dato' Akhir Zaman Rantau (En.Salihan yang sudah terpecat) dan telah menerima pada diatas tindakannya membelakangkan 'Adat. Dalam 'Adat perbuatan Dato' Akhir Zaman ini adalah diumpamakan " Lalu menghangus, surut layu dan patah berkubang ". Ertinya mencacatkan 'Adat maka berlakulah apa yang dikatakan " Orang ber'adat , tak tahu akan 'Adatnya maka luruhlah pesakanya ". Maknanya dengan lain perkataan " Salah bertimbang, kufur bertaubat tidak dapat dilakukan lagi.

Inilah yang dikatakan:-

" Kain rabak tegal dik lenggang awak  
Baju koyak tegal dik lenggok awak  
Kopiah pesuk tegal dik lonjak awak  
Pesaka luruh tegal dik salah awak ".

W (4)

TEORI

DATO'  
SHAHBANDAR

LEMBAGA MENJADIKAN UNDANG  
BERTAPAK DARI WARISNYA

KEPUTUSAN

LEMBAGA  
TIANG BALAI

3

2

1

4

KEPUTUSAN

LEMBAGA WARIS KELANA

5

KEPUTUSAN

IBU SOKO

IBU SOKO

WARIS HULU

7

6

8


WARIS HULU

LEMBAGA TIGA PERSUKUAN

1. Dato' Andika Mendelika
2. Dato' Sri Maharaja Diraja
3. Dato' Muda Labu
4. Dato' Dagang Paroi
5. Dato' Maharaja Lela
6. Dato' Menteri
7. Dato' Raja Dimuda
8. Dato' Maharaja Inda

RAJAH (5)

Cuba perhatikan kedudukan Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi, kebawah tak jejak keatas tak sampai. Sebenarnya mereka tidak bertapak dari Waris Kelana dan tidak juga melalui Dato' Shahbandar, sebab itu calun yang dikemukakan mereka ditolak oleh Dewan Keadilan.



Dalam 'Adat diSungai Ujong ini kalau kedudukan Dato' Andika Mendelika yang telah banyak mendatangkan masaalah itu turut dipertikaikan sebagaimana Waris-Waris dan Dato'Lembaga 'Adat diRantau (Waris diAir) mempertikaikan kedudukan Dato'Akhir Zaman mereka yang telah pun luruh pesakanya kerana mencacatkan 'Adat maka dalam masaalah melaksanakan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini pada 'Adatnya sekali pun tanpa Dato' Andika Mendelik 'Undang' masih boleh dilantik. Satu contoh lagi umpamanya di Luak Johol tanpa Dato' Jenangnya Undang Luak Johol terus diisyiharkan sebagai Undang yang sah mengikut 'Adat diLuak itu. Ianya hanya dilakukan oih Ibu Waris sahaja. Apalagi diSungai Ujong ini tiga dari Lembaga Tiang Balainya masih berfungsi untuk menyokong menogakkan 'Adat.

Peraturan sudah ada , calun dikemukakan oih lembaga Waris Kelana, iaitu Dato' Maharaja Lela yang telah mendapat persetujuan dari Lembaga Tiga Persukan, kemudian diselaraskan oih Lembaga Tiang Balai yang tiga lagi dan direstui oih Dato' Shahbandar.

Oih itu adalah diharapkan pehak-pehak yang berkecuaan khususnya Dewan Keadilan dan Undang dapat menyelesaikan masaalah ini. Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong harus di-segerakan mengikut lunas-lunas yang diluluskan oih Adat yang sepatutnya melalui beberapa proses penapisan supaya calmyang bakal menyandang pesaka Kelana ini benar-benar layak , ia-mesti disiasat selidik keturunannya dari Waris yang berhak mengikut gilir dan alur dari Soko yang berpesaka yang hanya dapat ditentukan oih Lembaga Warisnya iaitu Lembaga Waris Kelana.

XXXXXXXXXXXXXX

XXXXXXX


XXXX

X

SALASILAH  
DARI TROMBO SUNGAI UJONG

- 24 -

(MUKA SURAT 44)



Nota: Dato' Kelana Yang Ke-10 ini mengikut Dato' Dato' Lembaga Tiga Persukuan sebagai penyuluhan 'Adat dan Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana adalah jatuh kepada Raja Azman b. Raja Amir mengikut Salasilah di atas.

Apa yang agak menarik dalam krisis yang berlaku di Luak Sungai Ujong ini ialah diatas perbuatan dan tindakan tokoh-tokoh ketua 'Adatnya sama ada diair malu pun dilihat sepatutnya mereka lah yang melaksanakan tugas dan tanggung-jawab sepenuhnya untuk melaksanakan peraturan 'Adat yang teradat di Luak ini.

Seumpama krisis Waris diair bagi mengisi kekosongan jawatan Dato' Shahbandar Sungai Ujong yang menjadi punca pertelahanan adalah disebabkan oleh Tua Lembaganya Dato' Sri Maharaja Diraja iaitu Dato' Abd Razak bin Mohd Jani telah menyendiri mengemukakan calunnya tanpa melalui peraturan dan mendapat kebulatan dari anak-anak buah dan sebilangan Lembaga-Lembaga Waris diair. Malah Dato' Sri Maharaja Diraja sendiri sebagaimana yang diketahui umum tak dapat membulatkan seluruh anak buahnya sehingga membuatkan mereka menghantar bantahan kepada Undang Luak Sungai Ujong. Setelah dikaji secara 'Adatnya maka Undang Dato' telah menolak calun yang dikemukakan oleh Dato' Maharaja Diraja itu atas sebab-sebab ia tidak dilaksanakan mengikut lunas-lunas dan peraturan 'Adat.

Bagitu juga halnya dengan calun 'Undang' dimana penyalumannya dibuat sendiri oleh Dato' Andika Mendelika sebagai Lembaga Tiang Balai tanpa mengikut peraturan maka Dewan Keadilan dan Undang juga telah menolak calun itu.

Oleh sebab kegagalan Dato' Sri Maharaja Diraja dalam usahanya supaya calunnya diterima dan diiktiraf oleh pehak-hak yang berkenaan maka beliau menggunakan kuasanya sengaja melengah-lengahkan perlantikan Dato' Shahbandar. Tetapi oleh kerana kebijaksanaan Al-Marhum Dato' Kelana Mohd Kassim maka perlantikan Dato' Shahbandar dapat dilaksanakan mengikut peraturannya sekali pun ia ditentang oleh Dato' Sri Maharaja Diraja sebagai Tua Lembaga Waris diair dan juga Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong.

Bagitu juga halnya tindakan yang sama dilakukan oleh Dato' Andika Mendelika sebagai Tua Lembaga Waris di Darat dan Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong nampaknya beliau cuba main si lap mata dengan melengah-lengahkan proses pemilihan Undang Luak Sungai Ujong yang baru dengan mengemukakan calunnya sendiri tanpa mengikut peraturan 'Adat serta tidak mendapat kepercayaan dari semua pihak Lembaga-Lembaga 'Adat yang terlibat. Pada anggapan beberapa orang Dato' Dato' Lembaga 'Adat dan juga tokoh-tokoh pendukung 'Adat di Luak Sungai Ujong ini menyipatkan bahawa beliau sebagai penghalang dalam usaha mengisi kekosongan jawatan 'Undang Luak Sungai Ujong' yang telah pun menjengkau masa lebih dari dua tahun.

Raja Abdul Rahim diisyiharkan sebagai Datuk Kelana Kesepuluh dalam satu istiadat yang berlangsung di Telaga Undang, Batu 9 Pantai, dekat sini, 8 Mac lalu.

Istiadat itu ditaja oleh Datuk Fadzil dan Datuk Mohd Nor berserta dua lagi Datuk Lembaga Tiang Balai Lama iaitu Datuk Seri Maharaja Diraja Haji Abdul Razak Mohd Jani dan Datuk Akhir Zaman Rantau Salehan Ismail.

Bagaimanapun, perlantikan Raja Abdul Rahim tidak diketraf oleh Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong, Datuk Shahari Haji Hassan serta anak-anak waris Tasak dan Ibu-Ibu Soko, waris di Darat.

Sementara itu, Berita Harian difahamkan bahawa anak-anak waris dan Ibu-Ibu Soko yang membantah perlantikan Raja Abdul Rahim akan mengadakan satu kerapatan khas tidak lama lagi bagi membincangkan tindakan susulan mereka.

Mereka juga dipercayai akan membincangkan langkah yang perlu diambil jika Datuk Fadzil dan Datuk Mohd Nor enggan menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana kesepuluh nanti, seperti yang diarahkan oleh Dewan.

Mengikuti perkembangan krisis perlantikan ' Undang ' Luak Sungai Ujeng Yang Ke-10 ini yang menghadapi berbagai-bagai rasa'alah ramai yang berpendapat dan bersetuju bahawa ia adalah disebabkan oleh beberapa faktur seperti yang disebutkan di bawah ini:-

1. Kerana melanggar peraturan ( orang beradat tak tau akan 'Adatnya ).
2. Penyelewengan Dato' Dato' Lembaga 'Adatnya sendiri.
3. Ada yang masih tidak faham akan perjalanan 'Adat itu.
4. Tidak mempraktikkan susur-galur yang menjadi teras kepada 'Adat.
5. 'Adat diketepikan kerana kepentingan diri.

Sebagaimana juga diluak Johol maka di Luak Sungai Ujong ini terdapat ketua-ketua 'Adat yang diragukan kejujuran mereka. Seumpama bekas Dato' Sri Maharaja Diraja Hj. Abdul Razak bin Mohd Jani dan Dato' Akhir Zaman Salehan bin Ismail termasuk Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Parci. Tetapi kedua-dua Lembaga Waris diAir ini Dato' Sri Maharaja Diraja dan Dato Akhir Zaman telah pun luruh pesaka masing-masing. Cuma yang masih bertahan hanya Dato' Andika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin serta Dato' Dagang Paroi Mohd Nor bin Abdullah.

Sepatutrya persoalan yang harus ditumpukan sekarang ini ialah persoalan perlantikan ' Undang ' yang diputuskan oleh Dewan Ke'adilan. Dimana mesyuarat Dewan yang telah lalu memutuskan supaya melantik satu jemaah Pemangku Undang Luak Sungai Ujeng yang dianggetai oleh Dato' Andika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin, Dato' Sri Maharaja Dato' Azman Jamlus , Dato' Muda Labu Dato' Zainuddin bin Hj. Abdullah dan Dato' Daung Parci iaitu Dato' Mohd Nor bin Abdullah

lat yang disclaraskan dari Perbilangannya yang berbunyi:-

" Ibarat labu menjalar kehulu  
Ibarat kundur menjalar kehilir  
Pangkalnya sama dipupuk  
Pucuknya sama di' "tis  
Buahnya sama dipe'lik ".

Pada mereka 'Adat tanpa peraturan itu lebih baik dan sesuai, sebab mereka dapat bebas melakukan sesuatu. Keadaan ini menghairahkan mereka. Sebab itulah mereka telah cuba mengruak Balai Undang mengadakan kerapatan pada 20hb. November lalu membuat keputusan sendiri memecat Dato' Shahbandar. Perbuatan ini ialah terkeluar sama sekali dari peraturan. Kononnya mereka mempunyai kuasa sebagai Tiang Balai yang berhak melantik seseorang undang dan berkuasa melucutkan sesiapa yang tidak berhak menyanyai pesaka .

"Tinggallah 'Adat, tinggal budaya,tinggallah peraturan dalam kemusnahannya. Alang2 perbuatan dah terlanjur budi dah teradi maka meruahlah jadi galang gantinya Dato' , sanggup tangan ate' yang mencancang takkanlah pula bahu tak sanggup memikulnya. entalah sahaja risikonya nanti. Lembaga-Lembaga 'Adat yang lainnya akan menentang Dato' , pejentangan yang berdasarkan peraturan dalam per'adatan. Kalau penentangan ini berjaya, nasib Dato' akan pulak diratap-tangiskan, lantaran ia nasib yang sengaja iteroh, dik perbuatan Dato' sudah melampaui batasan sebab itu modalah ini dibuat, didalamnya dinukilkan satu persatu apa yang menjadi khusus dalam krisis perlantikan ' Undang Luak Sungai ujong Lang Ke-10 ini . Untuk memberi tahu kepada sesiapa yang tak tahu beritama kepada penyokong-penyokong Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi supaya mereka jangan menyalah-tafsirkan tindakan Dato' Dato' Lembaga yang masih berpotensi, masih berwibawa di Sungai Ujong ini. Supaya jangan ada nanti yang berkata,tak satua orang buat kepada Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi, sebagaimana mereka yang telah berkata, tak patut mereka buat kepada Dato' Sri Maharaja Diraja dan Dato' Akhir Zaman.

Tetapi, " What is done, cannot be undone Dato' , kebetulan Lembaga Tiang Balai ini pada 'Adatnya sudah pun luruh masing-masing dik kerana mengikutkan nafsu, dik lagak

dan bongkak,dik laba yang tiba tanpa diundang, akhirnya kecundang,kerana sumpah dari mereka yang menjadil mangsa, lantaran mereka telah rugi mengagihkan laba untuk kepentingan Dato' , sedang niat tak terkabul , maksud tak tercapai akhirnya menjalarlah sumpah mengikut segenap saluran saraf dan saluran darah yang mendapat zat dari laba yang tak diredzakan. Laba itu tidak lagi menjadi nekmat Dato' sebaliknya menjadi lakinat , Nazubillah minzalik . Tahukah Dato' bahawa perbuatan yang seperti ini menghalalkan benda yang haram , dosanya lebih besar dari memakan riba' kalau sipemberi laba tak menghalalkannya merti.

Sebab itu Dato',Mala petaka datang timpa menimpa, bala' mengunjung silih berganti, hati resah dan gelisah lantaran sumpah memakan diri.Dik akibah tindakan curang, berlagak dan angkuh semasa kuasa ada ditangan tanpa menyedari rupanya ada satu lagi kuasa yang mengatasi segala kuasa iaitu Kuasa Allah, iaitu kuasa yang menentukan segala perbuatan manusia sama ada baik atau disebaliknya, raja atau rakyat jelta, semuanya tidak akan terlepas dari pertimbangan, setekat mana dosa yang telah dilakukannya atau sebanyak mana laba yang diperolihi mereka tanpa kerelaan sipemberinya.

Ini adalah perkara yang sebenarnya berlaku, kesah yang berpunca dari kekusutan dan kekosongan jawatan ' Undang ' yang berhajat sudah berhabis bergolok bergadai, yang korupt pula menggunakan peluang menangguk diair keruh, menggunakan kesempatan untuk kepentingan diri. Akhirnya rahsia terbongkar juga. Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi beria-ia mengemukakan calun atas daya inisaitif sendiri , tanpa berjejak dari Waris, tanpa menurut saluran yang sah. Ini kan ada tujuan, bak kata orang ada benda ada cerita. Tetapi calun mereka ditolak, sebab meninggalkan peraturan. Yang dikehjarn tak dapat yang dikendung berciciran. Hajat hati nak peluk gunung tetapi terpeluk biawak sial.

Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi digulungkan sebagai ketua 'ayam gadang' dikalangan anak-anak buahnya. selama ini mereka menutup kelemahan-kelemahan yang ada pada diri masing-masing hanya dengan lagak dan gaya, dengan sikap bodoh sompong, tetapi nyata banyak benar kelelahannya, sanggup menipu diri sendiri dan menjual anak buah. Mereka melebihkan tuntutan cita-cita sendiri lebih daripada memperjuangkan hak asasi masyarakat yang dipimpin. Setiap gerak dan langkah mereka tiada yang bolih dicentahi dan ditauladai.

Mereka selama ini tidak lagi mewakili mana-mana pchak dalam 'Adat. Seumpama Dato' Andika Mendelika yang sudah lupa diri, dari mana sepatutnya ia bertapak, siapa yang dipimpinya dan tugas apa yang akan dilaksanakannya? Bagitu juga dengan Dato' Dagang Paroi, sebenarnya ia tiada beranak-buah, ia berdiri dengan sendiri tanpa mewakili mana-mana pchak. Akan kehadzirannya sebagai Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong cuma untuk mencukupkan bilangan andainya Dato' Muda Labu tidak ujud. Tetapi jika Dato' Muda Labu ujud maka Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong akan mencukupi dari:-

1. Dato' Andika Mendelika
2. Dato' Sri Maharaja Diraja
3. Dato' Akhir Zaman
4. Dato' Muda Labu

Rumusan ini dibuat ialah demi untuk mengingatkan setiap Dato' Lembaga 'Adat supaya memahami bahawa selain dari hukum dan penglaksaan 'Adat maka hukum Tuhan juga jangan dianggap rengas, kerana ini akan menentukan setekat mana keikhlasan dan bakti seseorang insan kepada insan yang lainnya, bakti seorang pemimpin kepada yang dipimpin sebagaimana yang dimaksudkan :

كلم راع وکل راع مستول من ربته

yang bererti , " Tiap-tiap kamu itu pemimpin, dan tiap-tiap mimpin bertanggung-jawab atas yang dipimpinnya". Dan juga untuk mengetahui sejauh mana ingatan seorang hamba kepada Tuhanya sebab 'Adat itu sendiri bersendikan Hukum , dan Hukum bersendikan Kitabullah. Maka dalam melaksanakan Hukum Allah adalah juga tuntutan 'Adat supaya dilaksanakan oleh setiap orang yang ber 'adat untuk mencapai taraf insan kamel. Semoga jasa akan dikenang , bakti akan dikira , selama hayat dikandung badan, selagi ruh diucuri rahmat oleh Tuhan Rabul Jalil akan kekallah nekat Allah yang dianugerahkan kepada setiap insan dan setiap orang yang berbuat baik, memelihara 'Adat, dimana penyataan dan penglaksanaan peraturannya tidak kita ubah anjak mengikut prinsip rukun 'Adat itu sendiri yang berbunyi :-

" Pertama Kalam Allah  
Kedua Kalam Nabi  
Kita Kalam yang tua  
Keempat kata muafakat  
Kelima bersalasilah  
Keenam berterombo ".

Tafsiran rukun 'Adat ini akan merangkumi setiap aspek penglaksanaan mencapai tujuan hidup bahagia bagi mengujudkan :

بلدة طيبة ورب غفور

Sebuah negara yang baik yang mendapat keampunan Tuhan Sehingga lah kehari yang dinamakan :-

بِئْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنْوَنٌ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Hari yang tidak akan memberi munafaat oleh anak-anak dan harta benda melainkan sesiapa yang dianugerahkan Tuhan Hati yang khusuk, mensyukuri nekat Tuhannya.

Hanya dengan berdasarkan Hukum Tuhan sahaja manusia boleh melaksanakan pemerintahan secara 'adil dan saksama tetapi jika mengikut hukum manusia sendiri akan berlakulah perbuatan zalim dan innyanya dan kadang kala manusia terlanjur melaksanakan perintah nafsunya tidak lagi melaksanakan amanah yang telah diamanahkan kepada mereka. Scumpama Dato' Andika Mendelika dan rakan sejawatnya Dato' Dagang Paroi yang kita pertikaikan kedudukan dan tindak-tanduk mereka.

Sebagai ketua 'Adat mereka dibatasi oleh hukum dan peraturan 'Adatnya, ditentukan pula oleh Hukum Ugama dan bentuk budaya bagi setiap mereka yang ber'adat untuk mengujudkan perpaduan, untuk kepentingan bukan sahaja anak-anak buah dilengkongan 'Adat itu malah bagi perpaduan manusia sejagat berdasarkan Firman Allah yang lebih kurang ertiinya \*<sup>2</sup>

"Berpeganglah kamu sekalian kepada tali(Ugama) Allah, dan jangan kamu berpecah-belah. Dan ingatlah akan nekmat Allah, (yang diberikan) kepadamu, ketika kamu bermusuhan lalu dipersatukannya hatimu, sehingga kamu menjadi bersaudara dengan nekmat itu".

( Al-Imran , Ayat 103 )

Sebagai orang-orang yang ber'adat dan berUgama kita sepatutnya tidak akan hilang pedoman sebagai Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi tidakkah mereka sebagai pemimpin dan ketua dapat memikirkannya ? Namun demikian andainya mereka masih yakin dengan teori mereka , maka kita sebagai penyokong dan pendokong peraturan akan tetap mempertahankan sistem kemauafakatan dalam 'adat, kita akan menentang siapa sahaja yang cuba menodai kesucian dan kemurnian 'adat yang sudah menjadi darah daging kepada kita dan kalau perlu kita akan mengambil tindakan tegas untuk menyingkirkan mereka walau secara apa.

Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi adalah Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong Waris diDarat tidaklah sewajarnya pula mengetuai kumpulan perjumpaan Waris diAir mengambil keputusan dalam kerapatan memecat Dato' Shahbandar. Ini kerja karut namanya. Akan diingat juga bahawa kedua-dua Dato' Lembaga 'Adat ini sebenarnya sudah banyak merosakkan hati Lembaga-Lembaga Waris diDarat. Bahkan seluruh Lembaga-Lembaga itu termasuk Lembaga Tiga Persukuannya, buapak-buapak, Juak-Juak dan Waris-Waris Perut Hulu dan Perut Hilir yang diketuai oleh Lembaga 'Adatnya iaitu Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kolana sudah tidak menyakini bahawa Dato' Andika Mendelika bolih menyelesaikan segala kekecohan.

Mithalnya mengapa dalam perancangan satu majlis kerapatan 'Adat yang dicadangkan pada 7hb. September, 1985 yang telah mendapat persetujuan semua Dato' Dato' Lembaga Waris diDarat yang deketuai sendiri oleh Dato' Maharaja Lela ditolak oleh Dato' Andika Mendelika dan mengapa pula kerapatan yang hanya dihadziri oleh Waris-Waris diAir dipersetujui beliau ? Pada hal mengikut 'Adatnya sebagai Ketua Lembaga Waris diDarat beliau tidak ada kena mengena langsung dengan pergoakan dan perancangan Waris-Waris diAir. Apatah lagi untuk mengetuai mereka merencanakan sesuatu menentang peraturan 'Adat. Waris-Waris diAir sendiri sudah pun dapat menyelesaikan perkara mereka. Tunggaknya sudah ujud dengan restu Dewan Keadilan dan Undang sendiri. Dato' Sri Maharaja Diraja Dato' Azman Jamlus telah diperakukan oleh Dato' Shahbandar sebagai Tua Lembaga Waris diAir yang sah mengikut 'Adat Luak Sungai Ujong.

Perbuatan ini barulah namanya " Mengacau lubuk orang ". Urusan orang nak dicampuri urusan sendiri tinggal terbengkalai. Adakah perbuatan beliau ini munasabah jika ditinjau dari segi 'Adat ? Jawabnya tentu sekali tidak . Oleh sebab kedua-dua mereka sudah tidak mendapat kepercayaan lagi diDarat nak cuba bersandar pula diAir terutamanya Dato' Andika Mendelika yang sebenarnya sudah hilang pedoman, tak dapat la-

gi membezakan mana 'Adat dan mana yang bukan 'Adat, tak bolih merentukan jalan mana yang patut diikut, peraturan mana harus diturut, nasihat siapa wajib didengar . Beliau tak yakin pada kebolihan sendiri dan nak cuba bergantung pada kebolihan orang. Malah perbuatannya pada anak buah adalah diibaratkan," kera di-hutan disusui, anak dirumah ditinggalkan". Dik keparat memakan diri,pemikiran sudah berkecamuk , perbuatan sudah tak ada yang betul , dik tak pandai menari, kata lantai jongkang jongket ". Ketua 'Adat apa namanya ini ?

Kalaularah nak dikaji latar belakang beliau, ilmu tak setinggi mana , kebolihan tak setekat mana , namun berunding tak hendak, bertanya tak mahu. Maklumlah awak orang atas Da-to' Pengurusi Tiang Balai pulak tu. Akibatnya sendiri yang ke-siwa dik jahil membendung diri . Nafsu kuat , angan-angan tinggi. Inilah dia Mat Jinin dalam 'Adat, nak kawin dengan Tuah Pi-teri nun jauh berada disebuah pulau impian, apa bolih buat wa-lu sampan ada pengayuhnya tidak, ada pengayuh tetapi bilah, pulau jauh daratan tak nampak. Kesudahannya mati dik tak sedar terpegang pelepas kering, memunggur kebawah dan tamatlah riwa-yat Mat Jinin 'Adat dalam sebuah trajidi diLuak Sungai Ujong ini.

Dalam 'Adat,kedua-dua mereka ini adalah diibaratkan sebagai kambing yang inginkan bringin songsang dalam bulan, mati badan celik matanya dik bringin songsang hanyalah bayang-an.

Bak kata pantun :

" Anak merebah terlompat lompat  
Anak nandung ketitian  
Yang dilclah tak dapat  
Yang dikendung bereciciran ".

# Lanjutan kes Undang Luak Sungai Ujong

SEREMBAN, Ahad — Datuk Maharaja Lela Lembaga Waris Kelana, Datuk Zamhari Haji Abdul Rahman, hari ini menjelaskan majlis 'kerapalan mengukuhkan adat' pada 7 September lalu telah mendapat persetujuan semua Datuk Lembaga, Buapak, Juak dan Waris di Darat.

Bellau berkata, ketika nadat Waris di Darat Perut Hulu dan Perut Hillir berpendapat, majlis itu perlu dipanggil bagi diadakan perbincangan mengenai soal perlantikan Undang Luuk Sungai Ujong yang baru.

Sehubungan ini, bellau membantah perbualan Datuk Andika Mendelika yang enggan membenarkan Datuk-Datuk Lembaga menggunakan Balai Undang Luak Sungai Ujong bagi mengadakan perbincangan itu.

Majlis itu tidak dapat diadakan kerana pintu bali berkenaan dikunci dan polis terpaksa dipanggil untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini.

Datuk Zamhari juga berkata, majlis itu mendapat restu Datuk Shahbandar Lunk Sungai Ujong, Datuk Shaari Haji Hassan selaku Tunggak Waris di Air.

Bellau menjelaskan kehadiran Datuk Shaari di perjumpaan yang dicadangkan itu adalah sebagai pemerhati berlepasan dengan kata adat yang berbunyi 'caril-carilan dalam anak buah, kusut disolesakan, salah diberi benarnya, bila dapat benarnya, bermakna kata sudah perbuatan habis, kusut di air; di darat menyelesaikan, kusul di darat maka di air pula menyelesaikan.'

Sambil menyangkal dugaan bahawa Datuk Shaari mahu 'merampas kuasa', bellau berkata, agar perlantikan Undang Luak Sungai Ujong boleh diselesaikan melalui perundingan, yang sehingga ini masih belum diadakan oleh ketua-ketua adat yang terbabit.

"Saya selaku Datuk Maharaja Lela Waris Kelana bagi pihak Datuk-Datuk Tiga Persukuan, Buapak, Juak serta Waris di Darat Perut Hulu dan Perut Hillir menyesali terhadap berlakunya perkara, yang sepertinya tidak terjadi."

"Penjelasan mengenai perkara ini telah saya sembahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di sini.

Mengenai keggaman Datuk Andika Mendelika membenarkan Datuk-Datuk Lembaga yang hadir menggunakan balai itu, Datuk Zamhari berkata, ia adalah satu perbuatan 'tidak bertanggungjawab' kerana Balai Undang adalah tempat untuk mengadakan perbincangan menyentuh soal adat.

"Datuk Andika Mendelika sebagai seorang Datuk Tiang Balai tidak sepatutnya bertindak demikian kerana ia berorientangan dengan usaha yang dijalankan oleh setiap Datuk Lembaga yang cintakan adat."

"Seperti kata adat, kusut disolesakan, salah diberi benarnya dan sah hukum dengan naksli, sah adat dengan tanda," ujarnya.

# erapatan ambil eputusan 'pecat' Shahbandar

BAN, Khamis patan empat Waris di Air Sungai Ujong dalam yang di- leh 150 anak engambil ke- 'memecat' Shahbandar, Shaari Hajji n sebagai tang pesaka. Lan itu juga me- n Datuk Seri Diraja, Datuk Abdul Razak Mohd ah Datuk Lem- Waris di Al- Tiang Balal ong yang sah. Itu yang ber- di Balai Un- Sungai Ujong leh wakil-wakil ia perut Waris u Perut Nenek rut Susu Dara, tu Ganda dan nggal beserta Datuk-Datuk enyataan yang san hari ini,

majlis itu berpendapat pentadbiran yang dijalankan oleh Datuk Shaari tidak berjalan licin dan bellau dikatakan terlalu banyak mencampuri urusan-urusan yang tidak sepatutnya dilakukan.

Majlis itu memberikan 13 sebab mengapa Datuk Shaari boleh dipecat. Antara sebab yang dinyatakan, perlantikan bellau tidak mengikut peraturan dan bercanggah dengan perlumbagaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan.

## Nasihat

Walaupun Datuk Shaari diliktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang kata kenyataan itu, kedudukannya pincang kerana ketiadaan Datuk-Datuk Tiang Balal yang lengkap sewaktu proses perlantikan dahulu.

Kenyataan itu yang ditandatangani oleh Datuk Seri Maharaja Diraja,

Datuk Haji Abdul Razak Mohd Jani, Datuk Andika Mendallka Mohd Fadzil Nordin, Datuk Akhir Zaman Solehan Ismail dan Datuk Dagang Parol Mohd Nor Abdullah itu menyifatkan tindakan Datuk Shaari sebelum ini sebagai memecah-belahan perpaduan Waris di Air.

Sebab-sebab lain yang diberikan lahal:

• Datuk Shaari tidak mendapat kepercayaan terbesar Waris di Air lahal lingkungannya. Adalah dianggarkan cuma 10 peratus sahaja yang menyokongnya.

• Datuk Shahbandar dengan tanpa usul periksa telah memecat Datuk-Datuk Lembaga yang ada dan mengantikannya sesuka hati.

• Tidak patuh dan sentiasa mengeneplikan nasihat Dewan Keadilan dan Undang.

• Mengambil tindakan sewenang-wenangnya dengan mempunyal ran-cangan jahat untuk

mengeneplikan waris yang dianggap menen-tang.

• Mencampuri secara langung perjalanan adat lingkungan Datuk Akhir Zaman dan men-campuri urusan Waris di Darat dalam proses per-lantikan penyandang pe-saka Undang Luak Sungai Ujong.

• Menggunakan Da-tuk-Datuk Persukan Lingkungan dan Datuk-Datuk Dagang dalam tin-dakannya serta membe-lakangkan waris yang berhak.

• Cuba merampas kuasa untuk mengakui penyandang pesaka Da-tuk Kelana tanpa mengikut aturan yang sebenar.

Menurut kenyataan itu, 'pemecatan' itu adalah berdasarkan perbi-langan adat 'Bulat anak buah, waris rapat. Lem-baga bulat, boleh memecat Undang' lahal semem-tara pengantian penyandang pesaka yang sah dibuat dalam satu istiadat yang ditentukan tarikhnya kelak.

Surat mengenal 'peme-catan' itu telah dihantar kepada semua ahli-ahli Dewan Keadilan dan Undang termasuk pengerusinya, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.

# 'Pemecatan' Datuk Shahbandar dianggap tidak sah

SEREMBAN, Jumaat — Tiang-Tiang Balai dan ketua-ketua adat Waris di Air Luak Sungai Ujong hari ini membantah keputusan satu kerapatan adat yang diadakan Rabu lalu untuk 'memecat' Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong, Datuk Shaari Haji Hassan.

Sambil menyifatkan-sebagai perbuatan tidak bertanggungjawab, mereka memutuskan bahawa ia adalah tidak sah di segi perjalanan dan aturan adat Luak Sungai Ujong.

Serentak itu, mereka berkrirak memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Datuk Shaari sebagai Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong yang sah dan diiktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan serta diketuai oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Ini dinyatakan oleh Datuk Seri Maharaja Diraja, Datuk Azman Jamilus kepada pemberita selepas satu kerapatan adat khusus untuk membingkangkan perkara berkenaan di Balai Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong dekat sini hari ini.

Datuk Azman, yang bertindak sebagai juruakap, berkata perbuatan itu boleh menimbulkan

ketegangan di kalangan anak-anak Waris di Air Luak Sungai Ujong dan menasihatkan mereka supaya bertenang.

"Persoalan yang timbul sekarang ialah bagaimana Tiang Balai yang telah dipecat dan tidak lagi diiktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan boleh mengadakan kerapatan adat dan kemudian memutuskan untuk memecat seorang penyandang pusaka yang sah."

"Bagaimana pula dua Tiang Balai dari Waris di Dorat boleh menyertai kerapatan pada 20 November lalu dan kemudian menyertuji keputusan untuk memecat Datuk Shahbandar selaku 'Tungggak' Waris di Air Luak Sungai Ujong."

"Ini jelas membuktikan bahawa perbuatan mereka yang terbabit adalah didorong oleh rasa tidak puas hati semata-mata kerana ingin menimbulkan ketegangan di Luak Sungai. Kami amat kecewa dengan perbuatan mereka yang terbabit," tegas Datuk Azman.

Dua Tiang Balai yang telah dipecat itu ialah bekas Datuk Seri Maharaja Diraja, Datuk Haji Abdul

Razak Mohd Jani dan bekas Datuk Akhir Zaman Rantau, Datuk Solehan Ismail manakala dua Tiang Balai dari kalangan Waris di Dorat ialah Datuk Andika Mendelika, Datuk Mohd Fadzil Nordin dan Datuk Dagang Paroi, Datuk Mohd Nor Abdulrah.

Datuk Azman menjelaskan keputusan yang dibuat oleh kerapatan adat hari ini adalah sah di segi aturan adat Luak Sungai Ujong kerana ia dihadiri oleh Tiang Balai dan ketua adat yang diiktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri serta direstui oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Selain beliau, antara Tiang Balai, ketua adat serta Orang Besar Balai yang hadir ialah Datuk Muda Labu, Datuk Zainuddin Haji Abdullah, Datuk Seri Paduka Diraja, Datuk Awaluddin Temu, Datuk Menteri Penghulu, Datuk Haji Zainal Haji Abdul Majid, Datuk Seri Amar Diraja, Datuk Haji Syed Hussein Syed Haji Abdul Hamid, Datuk Seri Amar Menteri, Datuk Kahar Sikin dan Datuk Akhir Zamran Rantau, Datuk Haji Baharum Zahrah.

Menjawab satu soalan, beliau menyifatkan perbuatan mereka yang terbabit menggunakan Balai Undang Luak Sungai Ujong di sini sebagai tempat mengadakan kerapatan Rabu lalu sebagai satu "penceraohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab".

## RAMAI TAK FAHAM 'ADAT'. IA BUKAN BOLIH DISELESAIKAN SENDIRI. (DATO' AZMAN)

"RAMAI Anak Waris yang seolah-olah lupa, adat yang ada pada hari ini bukan sekadar boleh diselesaikan dalam adat sahaja tetapi turut menyangkut hal-hal lain. Kerana adanya sikap beginilah, krisis berlaku," kata Datuk Seri Maharaja Diraja, Datuk Azman Jamilus.

Menurut beliau, apa yang dapat dilihat hari ini, ramai yang seolah-olah mengetahui mengenai perjalanan adat tetapi sebenarnya tidak.

"Mengenai soal perlantikan misalnya, ia bukan boleh diselesaikan sendiri sahaja kerana ada di antara beberapa peruntukan mengenainya tercatat dalam Perlembagaan Negeri dan perlu pula mendapat pengesahan Dewan Keadilan dan Undang," jelasnya.

Dalam pemilihan seseorang ketua seperti Undang Luak Sungai Ujong atau Datuk Syahbandar, kata beliau, ada beberapa peringkat yang perlu dilalui sebelum seseorang calon itu diisyitiharkan.

Langkah pertama, katanya, ialah proses mencari-cari dalam anak buah'. Beberapa calon yang layak boleh dikemukakan oleh Buapak kepada Datuk-Datuk Lembaga.

Nama-nama yang dicalonkan ini pula kemudiannya diserahkan kepada Tiang Balai Yang Empat untuk diteliti peribadi dan latar belakang masing-masing. Proses ini terpaksa diambil bagi memastikan calon-calon yang 'sempurna' sahaja akan diputuskan menjadi Undang.

"Bagi jawatan Datuk Kelana, misalnya, di peringkat ini nama calon yang layak bolehlah diberitahu terlebih dahulu kepada Datuk Syahbandar untuk mendapat pandangannya," kata beliau.

### KEPENTINGAN DIRI

Solepas itu barulah nama calon tunggal dikemukakan kepada Dewan Keadilan dan Undang untuk disahkan dan kemudianya diiktiraf oleh Kerajaan Negeri.

Apa yang sering timbul sekarang katanya, ada Buapak dan Datuk-Datuk Lembaga yang membuat sesuatu keputusan berdasarkan peraturan dan bukannya apa yang ganjil ada di antara mereka

yang sanggup mengenepikan peraturan kerana kepentingan diri.

"Kita selalu mendengar seseorang Datuk Lembaga tidak mengiktiraf Undang. Jadi, kalau mereka tidak mengiktiraf Undang, di mana letak kuasa mereka sendiri?"

Ini kerana setiap Datuk-Datuk Lembaga itu hanya mempunyai kuasa jika diiktiraf oleh Undang.

Apa yang sering menimbulkan masalah, katanya, kerana kebanyakannya peraturan adat itu adalah tersirat.

"Di sinilah perlunya setiap Anak Waris itu memahami benar-benar mengenai adat itu," tegas beliau.

Beliau memberi contoh, kalau seseorang warganegara Malaysia perlu mengamalkan Rukun Negara, Anak Waris perlu mengamalkan peraturan adat.

"Ia perlu dipelajari dengan mendalam, bukan sekadar ambil tahu sahaja. Kalau Anak Waris fahami haknya, tidak timbul lagi masalah," katanya.

Kenyataan yang ada sekarang, jelas beliau, ramai golongan muda yang tidak niat mempelajari adat tetapi mereka lah yang sibuk apabila berlaku sesuatu pemilihan.

"Oleh kerana mereka sendiri tidak mempunyai pengetahuan bagaimana hendak membuat sesuatu pandangan atau keputusan?"

Di samping itu, katanya, ada juga timbul anak buah, lebih mengetahui perjalanan adat daripada Buapak atau Datuk-Datuk Lembaga sendiri.

### Pandangan

"Ada kalangan Datuk-Datuk Lembaga yang memikirkan mereka lebih tahu tetapi sebenarnya, sebaliknya.

"Apabila keadaan ini timbul berlakulah jurang generasi," katanya lagi. Bagi mengatasi masalah ini Datuk Azman mencadangkan setiap anak waris mestilah mempelajari dan mengetahui hak mereka.

Setelah masing-masing tahu hak yang ada pada mereka, tidak timbul lagi kekecuh.

Dari apa yang diketahui yang menjadi dalang dan penghalang dalam melaksanakan kelancaran perjalanan 'Adat diluak Sungai Ujong sekarang ini cuma Dato' Andika Mendelika serta disokong oleh Dato' Dagang Paroi sahaja lagi. Satu-satanya jalan untuk mengatasi supaya krisis dan pertelengkahan yang ditimbulkan mereka hanyalah menyegerakan pengesahan perlantikan Dato' Dato' Lembaga Tiang Balai yang baharu iaitu Dato' Sri Maharaja diraja Dato' Azman Jamlus dan Dato' Akhir Zaman yang dipecat oleh Lembaga-Lembaga dan Warisnya, dimana pemecatan itu telah disahkan oleh Dato' Shahbandar sementara gantinya ialah Dato' Haji Bahari bin Hamzah.

Satu kerapatan harus diadakan segera sekalipun tanpa Dato' Andika Mendelika kerana yang penting dalam keadaan yang kritis sekarang ini ialah suara majoriti yang akan membuat keputusan menentukan calun 'Undang' menepati kata Dato' Azman Jamlus bahawa calun ini diproses melalui peraturan dan peruntukan yang tercatit dalam Perlembagaan Negeri ini dan menurut beliau lagi nama calun yang layak bolihlah diberi tahu dan dikemukakan kepada Y.A.M. Dato' Shahbandar untuk mendapat pandangannya.

Hanyalah dengan menyegerakan perlantikan 'Undang' sahaja cara yang bolih mengatasi segala pertelagahan dan persengketaan 'Adat diluak ini, kalau tidak Dato' Dato' Lembaga yang sudah terancam kedudukannya mahu pun mereka yang telah luruh posakanya seumpama Dato' Akhir Zaman Salehan bin Ismail dan Dato' Sri Maharaja Diraja Abdul Razak bin Mohd Jani, cuma disa'at akhir ini pula bolih bekerjasama, pada hal selama ini kedua-dua mereka adalah musuh ketat (sebab dah hampir akan senasib agaknya). Moreka ini tentu akan berusaha mencari halah demi halah untuk berbuat sesuatu yang bolih memburukkan lagi keadaan supaya pergisiran terus berlaku diantara anak-anak Waris, mahu pun Lembaga-lembaga 'Adat sama ada dilorat mahu pun diAir atas isue-isue yang sengaja mereka timbulkan demi untuk kepentingan kedudukan masing-masing. Satu daripadanya ialah mengadakan kerapatan memecat Dato' Shahbandar.

Kerapatan yang diadakan mereka pada 20hb. November, 1985 itu mengikut 'Adatnya adalah terkeluar samasekali dari sidang kuasa masing-masing dan tidak boleh diperakukan sahnya oleh mana-mana pihak. Malah jika dibiarkan perbuatan dan tinjakan seperti itu diteruskan mengikut sesuka hati mereka tanpa sekatan akan melaratlah cacing kemata.

Sudahlah perbuatannya menggunakan Balai Undang dengan bebas, seolah-olah Balai Undang itu kepunyaan mereka sendiri, memandai pulak membuat penentuan bahawa bekas Dato' Sri Maharaja Diraja Haji Abd.Razak bin Mohd Jani masih sah sebagai Tua Lembaga Waris diAir dan Lembaga Tiang Balai Undang Luuk Sungai Ujong dan mungkin dalam masa tak lama lagi akan mengisyiharkan pula perlantikan Dato' Shahbandar yang baharu mengantikan Dato' Shaari bin Haji Hassan yang telah mereka pecat.

Sebenarnya orang kalau sudah suntuk 'akal macam-macam perkara aneh hendak dilakukannya. Apa yang ditakuti ialah kalau kalau tersebar pulak hasutan mereka dikalangan para penyokongnya menanamkan semangat Ibrahim Libia untuk mengukar-kacir kan keamanan dipersetujui tanah per'adatan ini.

Setiap orang memang mempunyai cita-cita dan selera. Untuk mencapai sesuatu idaman dan hasrat jiwa. Orang akan berbuat apa saja untuk mendapai idaman itu, sekali pun diluar kemampuan mereka. Diluar Undang-Undang dan peraturan, diluar sifat-sifat kemusiaan dan diluar kepastian sama ada mustahil atau tidak. Namun dikuatnya runtunan hati yang selama ini tidak mau menerima pertunjuk dan kebenaran maka akan terbabitlah mereka dalam beberapa kegiatan songsang sebagai manusia perosak keamanan, memutus persaudaraan dan memungkiri janji. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Allah Tuhan Yang Maha Perkasa dalam ayat yang lebih kurang erti:-

" Iaitu orang yang memungkiri janji Allah(melanggar perintahnya) setelah teguh berikat janji, dan orang-orang yang memutuskan pertalian salatul-rahim yang disuruh Allah supaya merebutkannya , dan yang membuat kebinasaan dimuka bumi ini. Maka itulah orang-orang yang rugi".  
(Al-Baqarah - Ayat 27)

Mereka rugi sebab mengikutkan hawa nafsu. Contohnya sebagai Dato' Andika Mendelika dalam percaturan perjuangan beliau dalam 'Adat dan pergolakan perlantikan ' Undang Luak Sungai Ujong. Apabila diteliti walau ada yang berpechak kepadanya namun sebahagian besar dari Dato' Dato' Lembaga 'Adat diLuak ini sudah tidak mempercayainya lagi sama ada Lembaga-Lembaga Waris diDarat mahu pun diAir. Apalagi melihatkan beliau telah banyak melakukan kesalahan-kesalahan 'Adat yang tak seharusnya dibiarkan tanpa dipertikaikan seperti (1) Mengemukakan calun Undang secara bersendirian tanpa berunding dengan Dato' Dato' Lembaga yang berkenaan seumpama Lembaga Waris Kelana dan dua orang lagi Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. (2) Cuba melucutkan Jawatan Dato' Shahbandar yang kejadiannya telah direstui oleh Dewan Keadilan dan Undang.

Oleh itu bagi setiap tokoh 'Adat yang dicabar kedudukannya oleh Dato' Andika Mendelika ini khususnya Y.A.M. Dato' Shahbandar Luak Sungai Ujong dan Lembaga Tiang Balai yang lainnya serta Lembaga Waris Kelana yang disokong oleh Lembaga Tiga Persukaninya tidak seharusnya pula berdiam diri. Sekurang-kurangnya merancangkan sesuatu untuk mempertahankan kedudukan menepis dan menengkis segala fitnah dan tuduhan dari Dato' Dato' penyemah kebendaan ini yang berlagak kononnya merekalah sahaja yang berkusa dan berwibawa.

Satu kerapatan patut diadakan segera yang akan dihadziri oleh setiap mereka yang terlibat untuk mengambil tindakan balas kepada sesiapa sahaja yang mempersenda kekuatan pertahanan kita dan cuba menguji kewibawaan kita sebagai pembela kebenaran untuk mengembalikan hak kepada yang berhak. Kitā akan sedia berhadapan dengan Dato' Andika Mendelika pada bila-bila masa yang beliau sendiri sanggup, bukan menunjukkan kekuatan malah semata-mata mempertahankan maruah. Bak kata orang :-

" Lemah liuk kayu akar  
Dilentur bolih dipatah jangan ".

" Andainya kita dicabar orang  
Kota pesaka dialih anjak  
Kata nan benar diubah pulak  
Tidakkan cemas darah terserak  
Walau beribu sebab mendatang  
Walau berbilang tombak dan pedang  
Busungkan dadamu bujang  
Sebelum ajal berpantang mati  
Namun mati hanya sekali ".

Menang atau kalah tak menjadi perhetongan lagi yang pentingnya maruah mesti ada, penjenayah mesti ditentang ( maksudnya penjenayah 'Adat' ) untuk mempertahankan hak dan menjamin keutuhan Rukun Negara yang diselimbangkan dengan prinsip Rukun 'Adat' yang telah kita praktikkan turun temurun, sejak dari zaman pun-tung berasap ia masih jadi amalan kita hingga kini walau sedikit sebanyak dipengaruhi perubahan 'alam namun bentuk asal per'adatan itu masih lagi terpelihara dengan baiknya.

Pada kita 'Adat' inilah budaya yang menjadi nilai hidup kita setiap orang yang ber'adat. Budi ertiinya kebaikan, daya maknanya usaha yang direncanakan untuk mengekalkan kebaikan itu, mengekalkan keutuhan ber'adat, bernegeri dan bernegara, menegakkan keamanan dan ketenteraman bererti kemajuan bagi umat manusia. Sebab itu bagi kita budi itu tak bolih dijual beli sebagaimana yang dilakukan oleh Dato' Andika Mendelika, dinilaikan harganya mempertaruhkan ' Jawatan Undang ' kepada sesiapa yang berhajat kepada nya . Sebab itu krisis timbul, penentangan dibuat, protes dilakukan oleh setiap Dato' Lembaga 'Adat' dan setiap ahli Waris yang tak mahu 'Adat mereka dicemarkan, budaya mereka dimudai. Peraturan dalam menentukan pesaka 'Undang' nak dibuat sesuka hati sahaja oleh Dato' Andika Mendelika tanpa perundingan, tanpa kerapatan dan tanpa korelaan dan persetujuan Lembaga 'Adat yang terbanyak dalam Luas Sungai Ujong ini.

Untuk mengatasi keadaan yang sekeruh ini maka berpuluhan tenaga setiap para pendukung 'Adat yang diterajui oleh Lembaga-Lembaganya untuk memberitahu kepada pencabar-pencabarnya ia-

itu Dato' Andika Mendelika dan kuncu-kuncunya untuk mengatakan bahawa 'Adat itu masih unggul dan telah dikemaskinikan. In dilindungi oleh Dewan yang dinamakan ' DEWAN KEADILAN dan UNIL ' di negeri ini.

Perbuatan untuk mencabul keutuhan 'Adat itu dan untuk mencabar keandikan Y.A.M. Dato' Shahbandar Luak Sungai Ujong serta menyanggah perbuatan Dewan Ke'adilan dan Undang harus pula dipertanggung-jawabkan oleh Dato' Andika Mendelika dan penyokong-penyoekongnya. Sebab kalau ber 'Adat tentu ada tandanya , kalau menuduh pasti pula ada alasannya . Dalam 'Adat ia dikatakan :-

" Sah hukum dengan saksi  
Sah 'Adat dengan tanda ".

Kalau tidak padahnya amat buruk, kerana kuasa tertinggi 'Adat bukan ditangan Dato' Andika Mendelika malah ia ada pada Dewan Ke'adilan dan Undang yang diterajui oleh tokoh-tokoh yang bertaraf pemerentah. Barang siapa cuba mengatasi keputusan Dewan bererti telah melakukan satu penderhakaan dan kesetiaannya sudah tidak ada lagi. Ini juga bermaksud menyanggah perinsip Rukun Negara yang kedua. Pada hal 'Adat ada mengatakan:-

" Dimana air disauk disitu ranting dipatah  
Dimana bumi dipijak disitu langit dijunjung  
Dimana negeri ditunggu disitu 'Adat dipakai "

Kalaularah peristiwa seperti ini berlaku dizaman Kerajaan Melayu Melaka tentu nasib Dato' Andika Mendelika dan nasib Dato' Dagang Paroi sama dengan nasib Raja Mendeliar dan Kitul.

Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi sebenarnya telah banyak memutar-belitkan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pehak-pehak yang berkenaan seumpama keputusan yang telah dibuat oleh Dewan Ke'adilan dan Undang yang bersidang pada 29hb.Okttober, 1985 memutuskan supaya mereka yang terlibat harus mencari perundingan untuk melaksanakan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong yang baharu mengikut peraturan 'Adat yang biasa dibuat dalam Luak Sungai Ujong.

Calun Dato' Andika Mendelika iaitu Raja Abdul Razak sebagai Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 telah ditolak oleh Dewan kerana dikatakan tidak mengikut peraturan 'Adat. Bahkan Dewan memutuskan supaya melantik satu jemaah pemangku Undang yang terdiri dari Dato' Andika Mendelika, Dato' Sri Maharaja Azman Jamlus, Dato' Muda Labu Zainuddin bin Haji Abdullah dan Dato' Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah. Tujuan ini ialah untuk mengiratkan persefahaman bagi melicinkan urusan pemilihan calun disamping mengelakkan kemungkinan timbulnya lagi sebarang kekecohan. Tetapi apa yang berlaku amatlah mendukacitan kerana Dato' Andika Mendelika masih lagi menganggap dirinya memegang teraju tidak hanya mengenepikan perintah dan nasihat Dewan malah beliau dan Dato' Dagang Paroi membuat atur-cara sendiri mengadakan kerapatan mengiktiraf semula Dato' Sri Maharaja DiRaja Abd.Razak bin Mohd Jani dan Dato' Akhir Zaman Salehan Ismail sebagai Lembaga Tiang Balai yang sah dan kedua-dua mereka iaitu Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi seolah-olah mengetuai Waris diAir mengambil keputusan memecat Y.A.M. Dato' Shahbandar Luak Sungai Ujong yang telah diiktiraf dan direstui oleh Dewan Ke'adilan dan Undang.

Apakah perbuatan-perbuatan yang seperti ini boleh dibiarkan berluasa tanpa sebarang pengawasan dari pehak-pehak yang berkenaan khususnya dari Dewan Ke'adilan dan Undang sendiri ?

Sebagai Dato' Dato' Lembaga 'Adat kita meminta dengan rasa rendah diri supaya jawapan mahu pun tindakan dari Dewan sebagai kuasa tertinggi Majlis per'adatan dapat mengatasi segala masaalah mententeramkan keadaan dan kekecohan bagi menyelsaikan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong yang Ke-10 ini

Dalam mengatasi sebarang krisis per'adatan seperti apa yang telah berlaku memanglah diantara yang berkrisis mahu menegakkan kebenaran masing-masing. Tetapi memastikan benar atau tidaknya diantara yang terlibat maka tentunya ada badan kehakiman yang akan meneliti dan menyiasat untuk menyelesaikan masalah dan krisis itu.

Seumpama apa yang telah berlaku diLuak Sungai Ujong sebelum timbulnya krisis perlantikan Undang dimana pengisytiharan perlantikan Dato' Shahbandar telah dilakukan oleh Almarhum Dato' Kelana Mohd Kassim pada 8hb.Julai,1983 Hari Juma'at bersamaan malam 27 Ramadzan, 1403 Hijrah.

Istiadat perlantikan telah dijalankan dengan penuh Istiadat diBalai Undang Luak Sungai Ujong. Calun yang terpilih ialah Kaptan (B) Shaari bin Hj.Hassan dari Kampung Belangkan telah diisytiharkan oleh Al-Marhum Kebawah Kaus Y.T.M. Dato' Kelana Mohd Kassim sebagai Dato' Shahbandar Luak Sungai Ujong .Yang Ke- 17 menggantikan Allah Yarham Dato' Shahbandar Abu Bakar bin Hj.Osman yang telah berpulang Kerahmatullah pada 24hb.Desember, 1982.

Majlis Istiadat perlantikan yang bersejarah itu dihadziri oleh Dato' Dato' Lembaga 'Adat Luak Sungai Ujong, Lembaga-Lembaga Tiang Balai seterusnya anak-anak buah Suku Waris Sungai Ujong.

Turut sama dalam upacara penuh ber'adat itu ialah Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu Dato' Mohd Isa bin Dato' Hj.Abd.Samad, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan serta pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan.

Apa yang menjadi persoalan ialah setelah selesai sahja Kebawah Kaus Y.T.M. Undang Dato' mengisytiharkan nama calun ika Dato' Sri Maharaja Diraja Abd.Razak bin Mohd Jani bangun ma bantah. Tetapi Majlis tak dapat menerima bantahan itu lebih-lebih lagi Kebawah Kaus Y.T.M. Undang sebagai Ketua 'Adat dan pemeran dalam Luaknya yang mempunyai kuasa pemutus, kerana mandat telah diserahkan kepada Kebawah Kaus Y.T.M. itu oleh Majlis yang telah bersidang sebelumnya.

Dengan kehadiran seramai 18 orang calun yang dikemukakan pada malam 27 Ramadhan Tahun 1403 Hijrah bersamaan Hari Kejujuran 8hb.Julai, 1983 itu termasuk kehadiran Dato' Sri Maharaja Abd.Razak bin Mohd.Jani serta dengan calunnya bermakna Dato' Sri Maharaja Diraja Abd.Razak pada dasarnya telah juga memersetujui cara perlantikan yang dibuat kerana tanda-tanda tangan telah ditarunkan oleh Dato' Dato' Lembaga yang berkenaan sebagai anda peryerahan mandat memulangkan kepada Kebawah Kaus Y.T.M. Undang Dato'.

Perbuatan Dato' Sri Maharaja Diraja Abd.Razak menyangkut keputusan Undang adalah terkeluar dari peraturan serta menyentuh keandikan Undang. Doa' sudah ditampung dan perlantikan Dato' Shahbandar telah diakui sah oleh Dewan Ke'adilan dan Undang disamping mengakui juga kesahihan perlucutan jawatan Dato' Sri Maharaja Diraja Abd.Razak sebagai Tua Lembaga Waris DiAir/ Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

Yang menjadi pokok persoalannya sekarang ini ialah perbuatan dan tindakan Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Parci sebagai Lembaga Tiang Balai Waris diDarat yang turut mencampuri kegiatan mereka yang telah terpecah seumpama Dato' Sri Maharaja Abd.Razak dan Dato' Akhir Zaman Salehan Ismail yang telah luput kuasanya serta tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam Adat. Malah perbuatan Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Parci ini juga telah terkeluar samasekali dari bidang kuasa mereka.

Kedudukan perkara ini sebenarnya adalah dalam pengawasan Dewan Ke'adilan dan Dato' Dato' Lembaga 'Adat yang telah mengikuti perkembangan yang kurang sehat akibat dari perbuatan dan tindakan kedua-dua Lembaga Tiang Balai Waris diDarat ini yang telah beberapa kali membuat kesilapan demi kesilapan. Untuk mengetahui dengan lebih jelas akan kedudukan perkara ini kita boleh merujuk kembali ulasan dan penjelasan yang dibuat oleh Dato' Sri Maharaja Diraja yang baharu iaitu Dato' Azman Jemlus yang telah diakui sah perlantikannya oleh Dewan Ke'adilan, serta pen-

jelasan Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana bercekap bagi pihak, Dato' Dato' Tiga Persukuan, Buapak-buapak, Juah-juak serta Waris-Waris diDarat Perut Hulu dan Perut Hilir. Demikian juga akan tindakan-tindakan oleh Dato' Dato' Lembaga yang terpecat yang juga ada dip-parkan dalam maqalah ini.

Kita sekarang tidak berminat untuk menumpukan atas segala tindak-tanduk Dato'2 Lembaga yang telah terpecat tapi kita akan mengikuti secara serius terhadap perbgatan dan tindakan liar dua jaguh 'Adat Waris diDarat ini. Mengapa dan kenapa selama ini mereka tidak membenarkan kerapatan diadakan dikalangan Waris-Waris diDarat . Apakah mereka takut menerima tentangan ? Gentarkah mereka menghadapi kebenaran sekiranya mereka berada di-pehak yang benar. Kenapa cakap berdolak-dalik ? Langkah dah sumbang, perbuatan sudah banyak yang tak betul, yang menyokong hanya segelintir, itu pun mereka yang tak punya pertalian dalam perjawatan yang sah disisi 'Adat, yang menentang ramai pula dan termasuklah Dato' Dato' Lembaga 'Adat yang menjadi mangsa dari perbuatan yang tak dapat dipertanggung-jawabkan oleh mereka.

Orang kalau tak ada pegangan inilah jadinya, meruali tak ada, budi jauh sekali, berpura-pura sebagai musang berbulu ayam , gerjaji dua mata sorong makan tarik pun makan, akhirnya rahsia te bongkar, tembelang pecah , krisis berpanjangan . Sebagai Dato' Lembaga pesorak 'Adat menggunakan sebagai topeng mencari kesempatan meriah untung diatas perpecahan dan persengketaan anak-anak buah.

Diharap pihak-pihak yang berkenaan khususnya Dewan Ke-adilan dan Undang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya jangan dibiarkan ' Sebab nilai setitik, rosak susu sebelanga ' .

Pembabitai setiap Lembaga 'Adat yang dapat kita ikuti dalam krisis perlantikan Undang Luak Sungai Ujong yang Ke-10 ini adalah atas kuasa dan hak masing-masing. Disebabkan Dato' Andika Mendelika yang menerajui usaha mengenepikan 'Adat maka agak sukar juga Lembaga-Lembaga Tiang Balai yang lainnya mengatasi mesaalah perlantikan ini malah hanya satu jalan yang dapat difikirkan iaitu kerapatan menggunakan suara majoriti yang diputuskan dalam mesyuarat Tiang Balai yang akan menyelesaikan masalah perlantikan 'Undang Luak Sungai Ujong' ini dapat diadakan segera dengan bembengan Y.A.M. Dato' Shahbandar kemudian mengisyiharkan nama calun yang dikemukakan olih Lembaga-Lembaga Waris diDarat yang diketuai sendiri oleh Lembaga Waris Kelam iaitu Dato' Maharaja Lela.

Sebab kalau ditangguh, sengketa akan berlarutan, bernamamacam angkara dan tohmah akan ditimbulkan olih pehak-pehak yang tak bertanggung-jawab, mengungkit-ungkit perkara yang tak sepatutnya mereka ungkit, menentang kebenaran, lantaran mengikut perasaan yang keciwa.

Olih sebab perlantikan 'Undang' ini ada kait mengait diantara Waris-Waris diDarat dan Waris-Waris diAir seperti yang disebutkan 'Kusut diAir diDarat menyelesaikan, Kusut diDarat diAir pula menyelesaikan' maka amatlah wajar gabongan Lembaga-Lembaga yang terlibat sama ada diAir mahu pun diDarat mengambil keputusan suara majoriti sebagaimana yang telah disebutkan.

Keputusan ini amat penting, dimana ia akan diperakui dan dipersetujui olih kedua-dua belah pehak yang mempertahankan hak masing-masing yang mempraktikkan peraturan 'Adat datar petaka satu, berlopak-lopak bak sawah, dan beruang-ruang bak durian berasaskan ' Bulat Lembaga menjadikan Undang, Undang bertapak dari Warisnya, Gemuk berpupuk, segar bersiram olih Warisnya.

Setelah berlakunya krisis yang memakan masa lebih dari dua tahun dan setelah didapati bahawa Dato' Andika Mendelika tidak berupaya menyelesaikan masaalah, maka atas daya inisiatif Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana mengetuai Dato' Dato' Lembaga tiga Persukuan, Buapak-Buapak, Juak-Juak, serta Waris-Waris diDarat, Perut Hulu dan Perut Hilir melaksanakan tugas dan tanggung-jawab untuk menyelamatkan 'Pesaka Undang' dari dijadikan bahan penyemah mendapat laba dan mempertahankan kedudukan oleh Dato' Andika Mendelika sendiri.

Hanya dengan usaha yang gigih Dato' Maharaja Lela sebagai tungak Waris diDarat yang terlibat secara langsung dalam menentukan calun dan dengan perundingan beliau dalam beberapa kerapatan dengan pohak-pohak yang terlibat seperti Y.A.M. Dato' Shahbandar dan Lembaga-Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong mengambil keputusan menentukan calun yang akan menyandang pesaka kelana dikemukakan melalui saluran-saluran yang sah mengikut 'Adat Luak Sungai Ujong.

Hendaknya janganlah ada yang cuba memutar-belitkan ke nyataan mahu pun keputusan muktamad yang dicapai dalam perundingan yang telah pun diadakan mahu pun keputusan yang dibuat oleh Dewan Ke'adilan seperti yang dilakukan oleh Dato' Andika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi. Kedua-dua jaguh 'Adat ini cuba memperkecil tidak hanya usaha Lembaga-Lembaga 'Adat yang mempunyai bidang kuasa menegakkan 'Adat, malah menentang serta menyanggah keputusan Dewan yang telah pun merestui perlantikan Y.A.M. Dato' Shahbandar dan mengesahkan perlucutan jawatan Dato' Sri Maharaja Diraja Abi Razak bin Mohd Jami.

Diharap juga Majlis kerapatan Lembaga Tiang Balai walaupun tanpa dihadziri oleh Dato' Andika Mendelika yang tentu sudah menyeleweng dengan bembengan Y.A.M. Dato' Shahbandar Luak Sungai Ujong serta sokongan Dato' Maharaja Lela sebagai Lembaga Waris Kelana yang mengemukakan calun dengan disaksikan oleh Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan akan mengisyiharkan perlantikan secepat mungkin.

riman Allah :-

1. وَقَبِيلَ لِلظَّالِمِينَ دُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْسِبُونَ .

" Dikatakan kepada orang-orang yang aniaya : Rasai-lah ciliamu (balasan) apa-apa yang telah kamu lakukan."

AZ-ZUMAR HUJUNG AYAT 24

2. فَأَنْوَمُمُ الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ .

" Lalu mereka ditimpa siksa, sedang mereka tidak sadar."

AZ-ZUMAR HUJUNG AYAT 25

3. فَإِذَا أَفْعَمُ اللَّهُ الْخَزَنَةِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَعْنَادُّ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ  
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ .

" Lalu Allah merasakan kehinaan kepada mereka waktu hidup di dunia. Sedangkan siksa akherat terlebih besar ('azab), jika mereka mengetahuinya."

AZ-ZUMAR AYAT 26

4. فَلَكُمْ بِمَا فَعَلْتُمْ آيَدِيكُمْ وَإِنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَامٍ لِلْعَبْدِ .

" Demikian itu, kerana usaha tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tiada aniaya kepada hambaNya."

AL-ANFAAL AYAT 51

5. وَلَا تُجَاهِدُ عَنِ الَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ  
خَوَافِتَهُ أَنْتَمَا .

" Janganlah engkau membela orang-orang yang khianat kepada diri mereka sendiri; sesungguhnya Allah tiada mengasihi orang yang khianat lagi berdosa."

AN-NISSAK AYAT 107

Dato' Andika Mendelika telah menerima 'akibah di atas perbuatannya sendiri mengikut hukum dan kehendak Allah. Sebagai penulis maqallah ini saya pernah meramalkan akan nasib yang menimpa beliau bergantung kepada amaran-amaran yang telah dinyatakan Allah didalam Kitab Suci Al-Quran.

Allah menurunkan perkataan yang sebaik-baiknya iaitu Kitab Quran yang terang isi maksudnya, benar riwayat dan kisah didalamnya, tidak berlawan antara ayat dengan ayat atau surah dengan surah. Didalamnya berulang-ulang kisah dan lagunya, janji-janji baik dan janji-janji jahatnya, nasihat-nasihat dan pengajaraninya, gunanya supaya tetap dan masuk kedalam hati dan jiwa setiap orang yang beriman kepada Allah dan Rasulnya, kepada orang-orang yang benar-benar menginsafi bahawa kuasa Allah adalah mengatasi segala kuasa, dan hukum Allah adalah mengatasi segala hukum sebagaimana hukuman yang diterima oleh Dato' Andika Mendelika semasa masih lagi hidup didunia ini, yang berlaku dihadapan mata setiap anak buah dan Lembaga-Lembaga "Adat diluak Sungai Ujeng ini. Apabila kita orang-orang mokmin membaca setiap ayat itu, menggunakan serta memohon kepada Tuhan Rabbul-Jalil, yang amat berkuasa, lebih berkuasa daripada sesiapa yang berkuasa didunia ini maka permohonan itu biasanya ~~tidak~~ dipandang sepi oleh Tuhan, balik ia dipertimbangkan dengan se'a-dil-'adilnya, tegak bulu romi apabila siksaan dan hukuman Tuhan berlaku diatas hambanya tanpa mengira bulu dan pangkat, hukuman atas setiap insaan durjana yang cuba mengingkari ayat-ayatnya tetapi setiap insan yang beriman ayat-ayat itu pula menjadi pe-awar dan pertunjuk, akan lembut hati dan hilang ketakutan dalam menghadapi sebarang masa'alah mahu pun ancaman. Itulah perunjuk dan hidayah, ditunjukkinya sesiapa yang dikhendakkinya. Dan sesiapa yang disesatkannya maka orang-orang itu adalah mereka yang mengingkari akan ayat-ayatnya.

Dalam 'adat ada dikatakan," Sesat dihujung jalan, balik kepangkal jalan, sesat dihujung kata, balik kepangkal kata, salah menyembah, kufur bertanbat ; namun Dato' Andika Mendelika tidak mahu lagi memakai kata-kata ini , iaitu kata-kata Perbilangan 'Adat yang beliau sendiri monjadi tunggaknya.

Jadi ternyata Dato' Andika Mendelika telah termasuk dalam gulungan orang-orang yang sesat, sekalipun sebahagiaan siksaan telah menimpanya. Dan amat mendukacitakan ada diantara tokoh(kalau boleh dikatakan tokoh) dalam tanah per'adatan ini buta hati dan buta mata, tidak dapat membezakan mana benar dan mana yang tak benar . Scumpama dalam peraturan penglaksanaan pemilihan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini, sudah berapa kali nama Raja Abd.Rahim ditonjolkan, dan siapa pula tokoh-tokoh yang menyokong penonjolan nama itu supaya disahkan menjadi Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10. Dalam 'Adat mereka ini amat dipandang berat. Kesahihan perlantikan Raja Abdul Rahim memang tak dapat diterima dari segi kebenarannya, dari segi hak dan gilirannya , dari segi 'Adat Istiadat yang teruca terpakai dalam Luak Sungai Ujong ini.

Akhirnya mereka kecundang, orang ber'adat buta 'Adat, orang berugama buta Ugama , tak dapat membezakan mana yang hak dan mana yang batil, 'Adat dan Ugama dijadikan barang permainan untuk mencuba-cuba nasib atau mencuba untung. Kebenaran dan peraturan hendak ditinggalkan, dasar dan asas 'Adat yang selama ini dapat dipertahankan oleh setiap orang yang ber'adat cuba digugat, yang tak berhak pun cuba menonjol diri mencari kesempatan dimasa keadaan yang mengharu-birukan berlaku, dikala persengketaan ini sampai kekomuncaknya .

Dato' Maharaja Lela,  
Zamhari bin Haji Abdul Rahman,  
Tua Lembaga Waris Kelana,  
Lorong 5, Kampung Baru Pantai,  
Seremban,  
NEGERI SEMBILAN.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

صفر 1406

21hb. Oktober, 1986

Qauluhu'l-hak

Y.A.M.,  
Dato' Shahbandar Sungai Ujong,  
Dato' Sha'ari bin Haji Hassan,  
Balai Shahbandar,  
Kampung Belangkan,  
NEGERI SEMBILAN.

Per : PERLANTIKAN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG  
YANG KE-10

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bahawa saya Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lombaga Waris Kelana, adalah dengan takzimnya menyusulkan warkah ini sebagai lanjutan kepada 'Memorandum' yang telah saya hantar kepada Dato' pada 29hb. Jun, 1985.

2. Berpandukan kepada peraturan 'adat istiadat Luak Sungai Ujong dan Undang-Undang Tubuh Keraja'an Negori Sembilan, 1959 serta berpandukan kepada 'Memorandum' yang telah saya hantar kepada setiap yang terlibat dalam perkenra perlantikan Undang Luuk Sungai Ujong Yang Ko-10 ini bahawa dari segi peraturan 'adat istiadat Luak Sungai Ujong sebagai Tua Lombaga Waris Kelana saya memperakukuan bahawa pesaka itu masih tetap lagi diHilir atas sebab musabab yang ditentukan oleh 'adat, keada'an dan ke'adilan yang di selaraskan dari kata-kata 'adat yang berbunyi:-

" Kalau membahagi sama banyak  
Kalau menimbang sama berat  
Kalau menghukum biar 'adil."

Firman Allah :-

« إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ مَا مِنَ الْقُرْبَىٰ  
وَنَهِيَ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ بَعْدَ كُمْ لَعْنَكُمْ تَذَكَّرُونَ ».

Ertinya :-

Sesungguhnya Allah menyuruh melakukan ke'adilan dan borbunt kebaikan memberi munafa'at kepada kaum kerabat dan milarang dari berbuat yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia memberi kamu pengajaran mudah-mudahan kamu mendapat peringatan."

Surah : An-Nahl - Ayat 90

j. Memandangkan dari sebab musabab yang timbul serta diperkuatkan oleh sunsana-suasana yang berlaku dari perbuatan-perbuatan curang, khianat, pencabulan, tamak dan penyelewengan oleh ketua-ketua 'adatnya sendiri menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan diri menyebabkan krisis perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini berlanjutan hampir masuk tahun yang ketiga; seumpama apa yang telah dilakukan oleh Dato' Andelika Mendelika Mohd Badzil bin Nordin yang terang terang mencabar keutuhan Dewan Ke'adilan dan Undang sebagai Dewan Tortinggi 'Adat dinegeri ini. Beliau tanpa momatuhi sebarang peraturan Undang-Undang sama ada yang tersurat mahu pun yang tersirat. Beliau telah menggunakan kuasanya melaksanakan perlantikan Undang mengikut scleranya. Pada hal mengikut 'adat istiadat Luak Sungai Ujong yang sebenarnya bahawa penentuan pemilihan Undang

pada dasarnya adalah ditangan Ibu-Ibu Soko dan Waris-Waris. Tua Lembaga Waris ( iaitu saya sendiri ) berperanan sebagai ketua dan saya adalah saluran pertama dalam menentukan sekal pencalunan.

Dalam 'adat dikatakan':-

Adat bertentu bilang beratur  
Berjenjang naik bertangga turun  
Naik dari jonjang yang dibawah  
Turun dari tangga yang diatas

Bulat anak buah menjadikan Buapak  
Bulat Buapak menjadikan Lembaga  
Bulat Lembaga menjadikan Undang  
Bulat Undang menjadikan Raja ( Yang Dipertua

Undang bertapak dari Warisnya  
Gemuk borpupuk segar, bersiram  
olih Warisnya  
Kalau diHulu menyandang pesaka  
Dato' Johan Tua Warisnya  
Kalau diHilir menyandang pesaka  
Dato' Maharaja Lela Tua Warisnya

Dalam 'adat saya dibantu oleh Lembaga Yang Tiga ia-itu':-

1. Dato' Mentor ( Suku Semelenggang )
2. Dato' Raja Dimuda ( Suku Biduanda )
3. Dato' Maharaja Inda ( Suku Batu Hampar )

Akan Lembaga Yang Tiga ini fungsinya dikenali mengikut kata-kata Perbilangan 'adatnya':-

" Menebang knyuan sebatang  
Mencantoh akar nan seholai  
Melambuk tanah sebungkah  
Membuka-belah negori berpongohulu . "

4. Olih itu apa yang ingin saya jelaskan kepada Dato' yang sebenarnya bahawa dalam soal menentukan seorang calun Undang mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 dan mengikut Terombo 'Adat Luak Sungai Ujong ia ada beberapa perengkat yang mesti dilalui sebelum seorang calun itu diisyiharkan (sila rujuk kombal) Memorandum saya kepada Dato' bertarikh pada 29hb.Jun, 1985 yang saya percaya masih ada lagi dalam simpanan Dato') Muka Surat 2Q-24 yang bertajuk " Kodudukan Dan Peranan Dato' Dato' dalam Pemilihan Undang Luak Sungai Ujong."

Olih itu adalah menjadi tugas kita bersama mematuhi setiap peraturan dari yang serendah-rendahnya sehingga kepada yang setingginya, apa lagi jika peraturan-peraturan itu telah ditentukan oleh pihak Dewan sendiri berdasarkan peraturan-peraturan serta Undang-Undang yang sudah termaktub sebagaimana yang dijelaskan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 Bab 5 Cernian 14 (1) yang berbunyi:-

" Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol, dan Undang Luak Rembau , hendaklah orang-orang yang dipilih dengan sahnya menurut 'adat Luak mereka Masing-masing."

5. SENARAI NAMA2UNDANG LUAK SUNGAI UJONG

1. DATO' KELANA BADOR	TAHUN 1760	PERUT HULU
2. DATO' KELANA LEHA	TAHUN 1780	PERUT HULU
3. DATO' KELANA BAHU	TAHUN 1800	PERUT HILIR
4. DATO' KELANA KAWAL	TAHUN 1830	PERUT HULU

5. DATO' KELANA SENDENG	TAHUN 1850	PERUT HULU
6. D.KELANA SYED ABD.RAHMAN	TAHUN 1872-1881	PERUT HILIR
7. DATO' KELANA MOHD YUSOF	TAHUN 1881-1889	PERUT HILIR
8. DATO' KELANA MA'AMOR	TAHUN 1889-1945	PERUT HULU
9. DATO' KELANA MOHD KASSIM	TAHUN 1945-1983	PERUT HILIR

Nota:

Perut Hulu telah menyandang pesaka Kelana 5 kali

Perut Hilir telah menyandang pesaka Kelana 4 kali

6 Berpandu kepada senarai diatas dalam masa alih pentuanan giliran ia tidak semestinya sekali kehulu dan sekali kehilir malah biasa digilirkan dua kali kehulu dan dua kali kehilir. Oleh itu setolah dikaji dan dirundingkan dengan Lembaga Yang Tiga saya dapat banyak fakta-fakta yang lainnya maka pesaka itu wajib pada kali ini di-Hilir. Tindakan ini saya lakukan adalah atas sebab-sebab yang disebutkan dibawah ini:

1. Perut Hulu ketiadaan Tuu Lembaga Waris Kelana ia-itu Dato' Johan. Pesaka yang terbenam ini tidak ditimbulkan kembali.
2. Sesuatu tindakan yang dilakukan oleh sebahagian Waris Hulu adalah membelaikan saya sebagai Tuu Lembaga Waris Kelana.

3. Seluruh Waris-Waris Perut Hulu ini terus mencorus bersengkota sejak dari Dato' Johan dipecat oleh Ibu Sokonya lebih kurang 10 tahun yang lalu. Saya sendiri telah beberapa kali cuba menyelesaikan masa'alah mereka namun mereka scolohi-olah tidak mahu menyelesaikannya sehingga saya mengambil tindakan wajar setelah saya dapati mereka berpuak-puak dimana puak yang diterajui oleh Dato' Andelika Mendelika bersama-sama Lembaga yang terpecat terus melaksanakan perlantikan Undang pada 8hb. Mac, 1986 tanpa merundingkannya dengan dua lagi Lembaga Tiang Balai dan Dato' Dato' Lembaga 'Adat Waris diDarat termasuk saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana.

7. Dalam usaha saya bersama Lembaga Yang Tiga membawa dan menegakkan pesaka itu diHilir tidak bererti saya memrampasnya malah adalah untuk menyelamatkannya. Peraturan adat menentukan dalam mengatasi sebarang masa'alah dikalangan Waris-Waris diDarat diwaktu ketiada'an salah seorang Tua Lembaga Waris Kelana maka disegi 'adat hanya Tua Lembaga Waris Kelana yang ujud sahaja yang bolih mengambil tugas yang seorang lagi. Oleh itu sebagai Tua Lembaga Waris Kelana terpaksalah saya menjalankan tugas, disebalkan ketiada'an Dato' Johan membelihkan saya bertindak demikian.

Sebenarnya Waris-Waris Perut Hulu ini pernah ~~saya~~ na'ashatkan supaya Dato' Johan diujudkan kalau mereka hendakkan pesaka. Malah Dato' Andelika Mendelika juga telah memberikan ingatan terakhir kepada Waris-Waris Perut Hulu ini supaya mengujudkan pesaka Dato' Johan dimalam Jenazah Al-Marhum Dato' Kelana Mohd Kassim masih bersemadi diBulai Kebesaran

Undang sebelum istia'adat permakaman dijalankan pada keesokan harinya. Namun dalam mesyuarat yang diadakan pada malam itu mereka tidak juga mencapai sebarang keputusan. Dalam waktu yang sama pada malam itu saya selaku Tua Lembaga Waris Kelan telah diberi mandat oleh Ibu-Ibu Soko, Waris-Waris Perut Hulu dan Perut Hilir supaya melantik dan mengisyiharkan Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin sebagai 'Pemangku Undang Luak Sungai Ujong' sementara mencari ganti Undang yang baru.

Tugas ini telah saya jalankan dengan penuh istiadat dimalam yang bersejarah itu. Tetapi amat malang kiranya selepas peristiwa itu, Dato' Pemangku Undang yang diamanahkan oleh seluruh Waris-waris untuk menjalankan tugas mencari ganti Undang yang baru dalam masa 100 hari telah mengabaikan tugas. Seterusnya beliau cuba melewati-lewatkan perlantikan atas tujuan menanggul laba."Nafsunya sudah tidak dapat dikawal lagi maka berlakulah apa yang dikatakan "Orang ber'adat tak tau akan 'adatnya". Bahkan segala tindak-tanduknya sudah tak ikut peraturan lagi. Dato' Andelika Mendelika sudah mula melangkah surbang ..... .

" Menghilir melonjak  
Mudik mengacau  
Menyukai laba dan tamak  
Membuat dosa besar  
Menangguk diair keruh  
Memasang jerat ditempat genting."

Konsep "Bulat air kerana pembetung" sudah tidak dipakai lagi oleh beliau malah segala perbuatannya sebagai Ketua 'adat sudah banyak terkeluar dari garisan 'adat yang menjadi pedomanya :-

\* Pesaka hendak dijual beli  
Malu nak diagih  
Ibarat limau masam sebelah  
Ibarat perahu karam sekorat  
Ibarat punah condong keperut  
Tiba dimata dipicingkan  
Tiba diperut dikompiskan ."

Maka terlibatlah dalang-dalang 'adat bersama-sama Dato' Andelika Mendelika yang sudah hilang pedoman yang terdiri dari:-

1. En.Razali bin Khalid ( Bekas Dato' Johan ).
2. Hj.Abd.Razak bin Jani( Bekas Dato'Sri Maharaja di-raja).
3. En.Salchan bin Ismail( Bekas Dato' Akhir Zaman ).
4. Dato'Mohd Nor Abdullah ( Dato' Dagang Paroi ).

Mereka ini bolehlah dianggapkan sebagai " Ayam jantan jaguh direban, kokok berderai ekor bergebumang tahi."

8. Pada Ahb.Mac, 1986 bersama'an hari Selasa saya sebagai Tuan Lembaga Waris Kelana telah dapat mengumpulkan Waris-Waris diDarat Hulu dan Hilir termasuk Ibu-Ibu Soko Buapak-Buapak., seterusnya Lembaga-Lembaga Luak Sungai Ujong di Balai Undang. Dan dalam masa yang sama saya juga telah mempersilakan Dato' keBalai Undang sebagai Penasihat dalam majlis kerapatan-kami Waris-Waris diDarat bagi membincangkan soal perlantikan Undang Luak Sungai Ujong. Disamping itu saya juga telah mempersilakan kesemua Lombaga Tiang Balai dalam kerapatan itu, kerana sebelum ini Dato' Andelika Mendelika langsung tidak memberikan peluang hatta kepada Da-

to' sebagai Dato' Shahbandar Sungai Ujong menjajak Balai. Ini terbokti dari tindakan beliau mengunci pintu Balai Undang pada 7hb. September, 1985 bersamaan 23 Zulhijah, 1405.

9. Hasrat Dato' sebagai Dato' Shahbandar Sungai Ujong yang ingin mengadakan kerapatan mengokoh 'adat dengan Dato' Dato' Lembaga Tiang Balai, Dato' Dato' Lembaga dan Buapak-buapak Waris diDarat telah digagalkan sama sekali oleh Dato' Andelika Mendelika. Tetapi hasrat saya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana Sungai Ujong telah dapat saya jayakan sekali pun ada tentangan dari Dato' Andelika Mendelika. Dari apa yang saya lakukan ini adalah terbokti dengan terang dan nyata bahawa kebulatan Waris-Waris didarat adalah padu dibelakang saya dengan tidak bolih dipertikaikan oleh mana-mana pchak. Saya telah diberi mandat sebagai Tua Lembaga Waris Kelana yang memegang toraju seluruh Waris-Waris didarat khususnya Waris Kelana dalam menentukan hak mereka, hak yang dilindungi oleh Undang-Undang dan Perlombaan negeri ini.

Dengan kebenaran dan perpaduan inilah juga saya mendapat sokongan sepenuhnya dari sebilangan besar Waris-Waris diDarat yang sudah hilang kepercayaan kepada Dato' Andelika Mendelika. Dan saya kira dengan keadaan ini saya dapat memberikan kerjasama terhadap Dato' sebagai penasihat untuk menyelesaikan masa'alah perlantikan Undang. Pondapat dan tindakan saya Dato' akui dan juga telah dipersetujui sebut lat suara dalam kerapatan pada 4hb. Mac, 1986 itu sebagai Wakil Resmi anak-anak Waris diDarat yang akan menghadzirkan diri dalam semua perbincangan oleh Lembaga-Lembaga Tiang Balai yang berhak sahaja dalam 'adat.

Selain dari itu kerapatan juga telah mengambil keputusan memberi tempoh selama dua minggu dari tarikh kerapatan diadakan kepada Waris-Waris Dato' Andelika Mendelika bagi menentukan kedudukan beliau sebagai Tiang Balai utama kerana beliau telah mengalami cacat anggota selain dari cacat perbuatan mengenepikan 'adat'. Kecacatan anggotanya adalah disebabkan beliau terbabit dalam satu nahas jalan raya dalam bulan Desember, 1985. Kaki kiri Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin bermula dari sechanya terpaksa dipotong ( dikudungkan ) kerana nahas itu.

Firman Allah :-

\* وَقِيلَ لِلظَّالِمِينَ ذُوْلَمَةٍ كُنْتُمْ تَكْسِبُونَ ..... فَإِنْ هُمْ  
الْعَذَابُ مِنْ حِيتَنَ لَا يَشْعُرُونَ ، فَإِذَا قِدِمَ اللَّهُ الْحَزِيرَ  
فِي الْأَيَّةِ الدُّنْيَا وَلِعَذَابِ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ .

Ertinya :-

"Dan telah dikatakan kepada orang-orang yang aniaya, rasailah olihmu balasan apa-apanya yang telah kamu lakukan, lalu mereka ditimpa siksa sedang mereka tidak sedar, lalu Allah jadikan mereka hina semasa hidup didunia sedang siksa akherat terlebih besar 'azabnya jika mereka mengetahuinya."

Kesimpulannya Dato' Andelika Mendelika Mohd Fa-dzil bin Nordin telah mengalami kecacatan anggota. Hu-kum Allah telah berlaku keatasnya. Dari segi hukum 'adat pula sama ada mengiktiraf mahu pun menyingirkannya ter-pulanglah kepada budi bicara setiap orang yang memegang teraju 'adat, tetapi apa yang nyata amat jelas Perbilang-an 'Adat ada menyebutkan:-

" Pada 'adat menimbulkan yang baik  
Menghilangkan yang buruk  
Pada Syarak menyuruh buat baik  
Menegah membuat yang mungkar  
Yang usang diperbaharui  
Yang elok dipakai  
Yang buruk dibuang ."

" Kalau yang buruk disimpan juga bermakna menca-catkan 'adat namanya, tetapi kalau menyingirkannya ber-erti kemantapan 'adat itu tetap terpelihara dari anasir-anasin yang akan merosakkannya. Dan sebagai Tua Lembaga Waris Kelana saya berpendapat bahawa Dato' Andelika Mon-delika sudah tidak mampu menyempurnakan tugasnya sebagai Ketua 'Adat; bahkan tindakan seterusnya eloklah dipulang-kan kepada ketetapan dan tindakan seluruh warisnya.

10. Apa yang menjadi tanggung-jawab saya sebagai Tu Lembaga Waris Kelana ialah untuk meyakinkan seluruh Wa-ris-Waris sama ada Perut Hulu atau Perut Hilir bahawa tindakan yang saya ambil seterusnya adalah terlebih dahulu saya rujukkan kepada Lembaga Yang Tiga dan penclitian

saya dalam memberikan ketentuan adalah keputusan dari perundingan terhadap kelayakan seseorang calun mengikut pertukaran-peruntukan yang tercatit dalam Terombo 'adat Luak Sungai Ujong yang sebahagian daripadanya ada dinukilkan kembali dalam Buku ' Negeri Sembilan Dan Sejarahnya ' oleh Abdul Samad bin Idris ( sekarang bergelar Tan Sri/ Dato' ) Maka Surat 61 yang berbunyi:-

- \* Waris Kelana, dua orang 'Ibu Bapa' ialah Dato' Maharaja Lela Waris Hilir dan Dato' Bahau Waris Hulu. Dato' Dato' ini berkunsa memilih sa-siapa yang patut menjadi Dato' Kelana Sungai Ujong. Sa-benarnya Dato' Dato' yang dikatakan Waris Kelana ia-lah 'Ibu Bapa' kepada dua keturunan Perut yang tertinggi di-Sungai Ujong ia-itu Waris Hilir dan Waris Hulu."

Tetapi walau bagaimana pun saya amat mengharapkan kemauafakatan dan perundingan dari semua pihak yang terlibat berpandukan kepada nasihat Dato' pada 4hb. Mac, 1986 itu. Kita harus bersama menjayakan satu perlantikan yang berdasarkan poraturan dan tata susila per'adatan, mengikut gilir dan hak kopada sesiapa yang berhak menyandangnya, disiasat-selidik keturunannya oleh Lembaga yang Tiga; dikaji dan disusur-galur dari Salasilah asal keturunan Undang Sungai Ujong yang berandika dan direstu-pula oleh Tua Lembaga Warisnya yang berpuas hati atas ketekahan dan kelayakan calun dari baka yang baik dan Soko yang berpesaka.

Saya bagi pohak Waris-Waris, Ibu-Ibu Soko dan seluruh Dato' Dato' Lembaga Waris di Darat amat menyambung tinggi diatas pandangan dan nasihat Dato' kepada kami dalam kerapatan di Balai Undang pada Ahb.Mac, 1986 dimana Dato' telah mengingatkan Dato' Dato' lembaga dan ketua-ketua 'adat yang turut hadzir dalam kerapatan dihuri yang bersejarah itu supaya sentiasa menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas demi menjaga perpaduan anak-anak Waris .

11. Olih sebab 'adat itu satu budaya yang amat tinggi nilainya, murni sifatnya tentu akan menjadi sebutan dan kenangan kalau kita terus menghayati sifat kemurnianya itu untuk ikutan jenerasi dimasa yang akan datang. mudah-mudahan yang koruh dapat dijernihkan, dan yang kusut dapat diselesaikan.

" Bila faham dah sesuai  
Bila benar dah seukur  
Terbayang tuah pada sekata  
Torcapailah niat dan tujuan."

Sebenarnya dalam ke'adaan yang agak kritikal sekarang ini disebabkan adanya ancaman-ancaman yang diterajui olih dalang-dalang 'adat yang terdiri dari Lembaga-Lembaga yang terpecah, kita pentingkan perpaduan dan kerjasama untuk monghadapi mereka, kita perlu menegakkan kebenaran yang bolih meyakin kepada pohak yang berkenaan khususnya pohak Dewan dan Kerajaan untuk membuktikan kesahihan tindakan kita .

Saya sendiri amat khuatir kalau kita terus bersengketa tanpa menghiraukan sebarang pandangan mahu pun nasihat dari Dewan supaya menyegerakan perundingan bagi mengatas masa'alah perlantikan ini, kita sendiri akan menerima risikonya. Bagi pahak saya dan Dato' Dato' Waris diDarat (tidak termasuk Dato' Dato' yang menjadi dalang 'adat') akan sentiasa menyebelahi Dato' selagi pihak Dato' masih meyakini yang kita bolih bekerjasama bagi menegakkan kebenaran dan mengujudkan persefahaman. Saya tidak mahu dituduh sebagai seorang yang tidak mempunyai pendirian dan pedoman atau sebagai ketua yang tidak dapat mempertanggung-jawabkan amanah yang dipikulkan kebahu saya oleh seluruh Waris-Waris diDarat khususnya Waris Kelana.

Pandangan ini saya kemukakan kepada Dato' ialah dik 'adat itu dator, pesaka satu, beruang-ruang bak durian, berlopak-lopak bak sawah, lubuk orang jangan dikacau, hak orang jangan diusik, kita sama-sama berhak memelihara pesaka ini dan mempertahankannya supaya tidak dijadikan barang gadaian seperti yang dilakukan oleh Dato' Andelika Mendelika dan kuncu-kuncunya. Dik pesaka itu hak bersama, " Tumbuhnya ditanam, sagarnya disiram dan suburnya dibaja baki kata 'Adat:-

Telur sebiji sama ditatang  
Pesaka satu sama di-bela."

Amatlah tidak wajar sekali peraturan dalam mencantumkan pesaka ' Undang Luak Sungai Ujong ' ini dibuat sesuka hati seperti yang dibuat oleh Dato' Andelika Mendelika, tanpa perundingan dan kerapatan, tanpa kerela'an serta persetujuan Lembaga-Lembaga 'Adatnya, iaitu Lembaga-Lembaga 'Adat yang sama-sama dipertanggung-jawabkan bagi mengawasi sebarang penyelewengan oleh sesiapa sahaja.

Oleh sebab perlantikan ' Undang ' ini ada kait mengait diantara Waris-Waris diDarat dan diAir seperti yang disebutkan ' Kusut diAir diDarat menyelesaikan, kusut diDarat diAir menyelesaikan namun asas penyelesaiannya adalah bertapak dari Waris-Warisanya sebagaimana yang saya terangkan berulang kali bahawa 'Undang itu bertapak dari Warisnya, gemuk berpupuk segar bersiram oleh Warisnya.'

Akan tetapi hak memelihara dan melindunginya dari anasir-anasir yang akan merosakkannya adalah tertanggung diatas bahu kita bersama bak kata Perbilangannya:-

" Ibarat labu menjalar kohulu  
Ibarat kundur menjalar kohilir  
Pangkalnya sama dipupuk  
Pucuknya sama digotis  
Buahnya sama dipetik."

Sekian,

وَبِاللهِ التَّرْفِينَ وَالْمُدَانَةَ

(DATO' MAHARAJA LEIA)  
ZAMHARI B.HAJI ABD.RAHMAN.

(DATO' MENTERI) ... (DATO' RAJA DIMUDA) ... (DATO' MAJINDA) ...  
SAHAL BIN ABD.RAOFQ H.J.ZAINUDDIN B.MUSA ABD.GHAFAR BIN  
HAJI TAHIR

Alinan Kepada:-

Duli Yang Maha Mulia  
Yang M-Portuan Besar,  
NEGERI SEMBILAN.

(Tunku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, DK., DM.,  
DK( Brunei ), DK(Kelantan), DK(Kedah), DK(Selangor), DK(Johor).

Yang Amat Mulia.  
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,  
Undang Luak Jelebu.  
KUALA KELAWANG.

(Dato' Haji Misra bin Wahab, DTNS., PJK.).

Yang Amat Mulia  
Dato' Johan Pahlawan Lela Porskasa Sitiawani,  
Undang Luak Johol,  
JOHOL.  
(Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd.Sam).

Yang Amat Mulia  
Dato' Sedia Raja,  
Undang Luak Rombau,  
Rombau.  
(Dato' Haji Adnan bin Ma'ah, DTNS).

Yang Amat Mulia  
Tunku Besar Tampin,  
TAMPIN.  
(Tunku Syod Idrus bin Tunku Syed Mohammad, Drs).

Yang Amat Mulia  
Tunku Besar Sri Menanti,  
KUALA PILAH.  
(Tunku Mahuriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, DKYR., PTT).

7. Yang Amat Berhormat  
Dato' Menteri Besar,  
Negeri Sembilan,  
SEREMBAN.  
(Dato' Mohd Isa bin Dato' Haji Abd.Samad, DSNS, PMC.).
8. Yang Berhormat  
Tuan Setiausaha Kerajaan,  
Negeri Sembilan,  
SEREMBAN.  
(Encik Amirruddin bin Kaharuddin).
9. Yang Berhormat  
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,  
Negeri Sembilan,  
SEREMBAN.  
(Encik Abu Samah bin Nordin).
10. Yang Berbahagia,  
Tuan Setiausaha,  
Dewan Ke'adilan dan Undang,  
Negeri Sembilan,  
SEREMBAN.  
(Tuan Haji Abdul Hamid bin Lassim).
11. Yang Mulia,  
Dato' Sri Maharaja Diraja,  
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong,  
SEREMBAN.  
(Dato' Asman bin Jamlus ).
12. Yang Milia  
Dato' Muda Labu,  
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong,  
LABU.  
(Dato' Zainuddin bin Haji Abdullah).

Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin ini sebenarnya memang telah banyak melakukan kesalahan-kesalahan 'adat. Sebab itu disegi 'adatnya beliau tidak dibolihkan menjalankan tugas sebagai ketua 'adat ia-itu sebagai Lembaga Tiang Balai utama Luak Sungai Ujong. Ini adalah disebabkan beliau tidak berupaya atau dengan perkataan lainnya beliau tidak berkelayakan bertindak sebagai ketua untuk mengatasi sebarang masaalah bagi menyelesaikan perkara perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini. Kekosongan jawatan penting ini telah masuk ketahun yang ketiga. Sebagaimana yang diketahui umum bahawa Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin berserta dua lagi Lembaga Tiang Balai yang terpecat ia-itu bekas Dato' Sri Maharaja Diraja Haji Abdul Razak bin Mohd Jani dan bekas Dato' Akhirzaman Salehan bin Ismail dengan disokong oleh Dato' Dagang Faroi Mohd Nor bin Abdullah sekali lagi telah melantik Raja Abdul Rahim bin Raja Abdul Razak Al-Haj sebagai Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 pada 8hb. Mac, 1986.

Tetapi walau bagaimana pun Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan sebagai Dewan tertinggi 'adat di-negeri ini tetap menolaknya kerana ternyata bahawa perlantikan itu adalah diluar dari peraturan 'adat istiadat . Dengan penolakan ini adalah terbuktii bahawa kesahihan perlantikan Raja Abdul Rahim bin Raja Abdul Razak Al-Haj memang tidak dapat diterima dari segi 'adat istiadat yang teruca dan terpakai dalam Luak Sungai Ujong ini. Dato' Andelika Mendelika sendiri telah cacat anggotanya selain dari cacat perbuatannya mengenepekan 'adat yang walau bagaimana pun tindakan beliau tidak akan dapat diakui dan diterima oleh mana-mana majlis peradatan. Ini menguatkan lagi hujjah mengapa dan kenapa Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin tidak dibolihkan melaksanakan tugas-tugas 'adat, khususnya bagi melaksanakan perlantikan Undang yang mesti dilakukan mengikut peraturan 'adat yang sebenarnya.

Ulasan ini ibarat adalah berdasarkan kepada perkara dan peristiwa yang berlaku dengan sebenarnya dimana 'to' Andelika Mendelika Mohd Fadzil sendiri telah menerima padah dari perbuatan curangnya. Peristiwa seperti ini belum pernah terjadi sebelumnya di Luak Sungai Ujong ini akibah dari tindakan liar dan curang ketua 'adatnya Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin yang amat banyak melakukan kesalahan-kesalahan 'adat jika hendak diditilkan satu persatunya.

Mengikut peraturan yang sebenarnya dalam melaksanakan peraturan 'adat, kemauafakatan mestilah diujudkan diantara Dato' Dato' Lembaga 'adat yang berhak dalam bidang kuasa masing-masing untuk mengatasi sebarang masalah. Di Sungai Ujong ini umpamanya berlunaskan kepada peraturan-peraturan itu walau pun tanpa Dato' Andelika Mendelika, Undang masih bolih dilantik dan masih bolih diujudkan dengan syarat persetujuan mesti diperolih dari setiap mereka yang terlibat, perundingan mesti dijalankan, alur mesti diikut, peraturan jangan ditinggalkan dan asas per'adatan mesti dijaga. Jauhilah dari melakukan penyelewengan seperti apa yang dilakukan oleh Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin sebagai Tiang Balai utama yang telah mengkhianati konsep per'adatan demi untuk kepentingan diri dan bukan kepentingan seluruh anak-anak buah.

Schingga kesa'at ini walau pun ada sedikit percanggahan diantara Waris-Waris di Darat Luak Sungai Ujong yang diketuai oleh Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana dan tunggak Waris di Air Dato' Shahbandar namun dalam menentukan hak pesaka Undang Luak Sungai Ujong ini peranan dan kewibawaan Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana tidak sewajarnya diperkecilkan oleh manapun pehak sekali pun oleh Dato' Shahbandar. Malah bidang kuasa Dato' Shahbandar sebagai Tunggak Waris di Air dari segi 'adatnya tidaklah sampai dibolihkan Dato' Shahbandar mengambil bulat-bulat kuasa dari Dato' Dato' Lembaga yang berhak dalam perjawatan masing-masing bagi menentukan calan scumpana Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana yang diperkokoh kedudukannya oleh Lembaganya Yang Tiga di Pantai yang akan tetap menegakkan peraturan-peraturan bagi menontu-

kan calun mengikut sistem per'datan yang dipesakai turun-turun di Luak Sungai Ujong ini. Bahkan Tua Lembaga Waris Kelana Dato' Maharaja Lela ini mempunyai hak asasi bagi menentukan calun iaitu setelah dirundingkannya dengan Lembaganya Yang Tiga yang dikenali sebagai:-

- (1) Dato' Menteri ( Suku Semelenggang )
- (2.) Dato' Raja Dimuda ( Suku Biduanda )
- (3) Dato' Maharaja Inda ( Suku Batu Hampar )

dan fungsinya Lembaga Yang Tiga ini adalah :-

" Menebang kayu nan sebatang  
Mencanteh akar nan sehelai  
Melambuk tanah nan sebungkah  
Membuka belah negri berpenghulu . "

Berasaskan kepada hak asasi inilah kita yakin bahawa Dato' Maharaja Lela adalah seorang yang layak tampil kemuka untuk menyelesaikan masaalah yang yang telah tiga tahun dibiarkan menyebabkan keutuhan Dewan dan kecekapan Kerajaan turut diperkatakan , mudah-mudahan usaha gigih Dato' Maharaja Lela berserta Dato' Dato' Lembaga yang lainnya dalam Luak Sungai Ujong yang sedar dan waspada terhadap anasir-anasir yang tidak diingini,dapat meyakinkan pihak Dewan dan Kerajaan supaya turut memberikan panduan bagi menyegerakan perlantikan Undang Sungai Ujong Yang Ke-10 ini.

Hendaknya akan terhindarlah perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan peraturan, scumpama ada diantara Dato' Dato' Lembaga yang telah dipertanggung-jawabkan cuba mengatasi bidang kuasa pihak lainnya dalam perkara menentukan calun, kerana calun itu sendiri dapat ditentukan oleh setiap Lembaga 'adat mengikut perengkat dan tahap penentuan yang dibuat mengikut susur galur dan giliran oih Lembaga Yang Tiga diperengkat awalnya kerana Lembaga Yang Tiga di Pantai sahaja yang faham benar-benar akan Salasilah dan Terombo 'adat

ditempat 'adat itu berdiri. Tetapi tugas Lembaga Tiang Balai ialah mengadakan perundingan dengan Dato' Maharaja Lola sebagai Tua Lembaga Waris Kelana yang telah diberi kuasa dan mandat oleh Lembaga Yang Tiga, Buapak-Buapak, Ibu-Ibu Soko dan Waris-Waris Kelana seluruhnya.

Walau pun dalam masaalah perlantikan Undang ini ia ada kait mengait diantara Waris-Waris di Darat dan Waris di Air iaitu seperti yang disebutkan " Kusut di Air di Darat menyelesaikan, kusut di Darat di Air menyelesaikan, namun sebagaimana yang terbokti sebagai Tunggak Waris di Air Dato' Shahbandar tidak berupaya melaksanakan tugas ini. kekeciwaan Dato' Shahbandar adalah disebabkan kurang sokongan dari Lembaga-Lembaga 'adat nya sendiri , dan Lembaga-Lembaga 'Adat Waris di Darat pada keseluruhannya tidak menyokong samasekali Dato' Shahbandar memainkan peranannya untuk menyelesaikan masaalah Waris-Waris di Darat disebabkan beliau sebagai Tunggak Waris Di Air mempunyai banyak masaalah yang tak dapat diselesaikan.

Berpegang kepada prinsip 'adat dan keputusan-keputusan yang telah dicapai diantara Lembaga Lembaga 'adat yang masih berwibawa dan berfungsi ( tidak termasuk Lembaga-Lembaga 'adat yang dilucutkan jawatannya ) kuat keyakinan kita mengatakan bahawa penglaksanaan 'adat bagi menentukan pemilihan Undang Luak Sungai Yang Ke-10 ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya mengikut peraturan 'adat yang berdasarkan muafakat dan perundingan diantara dua Lembaga Tiang Balai Waris di Air iaitu Dato' Sri Maharaja Diraja Azman Jamlus dan Dato' Muda Labu Zainuddin bin Haji Abdullah dengan Dato' Maharaja Lola sebagai Tua Lembaga Waris Kelana ( tidak termasuk dua Lembaga Tiang Balai Waris di Darat .., iaitu Dato' Andelika Mendo-likha Mohd Fadzil bin Nordin , dan Dato' Lagang Paroi Mohd Nor bin Abdullah, kerana kedua-duanya telah menyeleweng dan telah mengeneplikan peraturan 'adat serta menyanggah keputusan dan arahan Dewan ) semuga perundingan dan komuafakatan ini dapat menyelesaikan masaalah menentukan calun yang berlatar-belakangkan 'adat, maka calun itu akan disiytiharkan sebagai Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10.

Walau pun biasa dibuat tugas bagi mengis, nama calun dilakukan oleh Dato' Shahbandar tetapi babkan keengganannya memberikan kerjasama dalam menentukan hak posaka mengikut peraturan 'adat maka tugas itu perlu diserahkan kepada pihak Kerajaan atau pun kepada salah seorang Ibu Soko Waris di Darat sebagaimana yang pernah dilakukan semasa mengisyiharkan perlantikan Undang Luak Johol. Ini dilakukan adalah semata-mata untuk menteramkan keadaan dan mengelakkan kekecohahan dihari perisytiharan itu nanti.

Kita semua maklum, bahawa siapa yang bakal mengisyiharkan nama calun tidaklah menjadi persoalan, malah yang menjadi tumpuan utama bagi pemrosesan bakal calun sehingga kesab'at mengisyiharkannya harus diambil perhatian berat supaya ia tidak bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat mengikut 'adat. Akan Dato' Shahbandar yang selama ini telah menunjukkan telatah dan gerak-langkah yang kurang menyenangkan dan cuba melibatkan diri secara langsung dalam pertikaian pemilihan Undang serta menggunakan Balai Undang untuk mencari pengaruh dikalangan Waris-Waris di Darat maka tindakannya itu pada hmat kami Lembaga-Lembaga Waris di Darat adalah mengganggu kuasa-kuasa pegangan kami Lembaga-Lembaga Waris di Darat. Oli itu jika sekiranya Dato' Shahbandar tidak menghormati hak asasi kami sebagai Lembaga-Lembaga Waris di Darat yang mempunyai kuasa mutlak atas pesaka 'Undang' maka apa saja rupa bentuk penglibatan dan tindakannya tidak akan kami relakan, malah kami tetap mempertahankan sistem per'adatan kami yang disclaraskan dari kata-kata Perlangannya yang berbunyi, " Bilat Lembaga menjadikan Undang, Undang bertapak dari Warisnya, Gemuk berpupuk segar bersiram oili Warisnya ."

Kami akan menentang sesiapa sahaja yang cuba menggugat keutuhan perjalanan 'adat kami, tentang yang berasaskan Perlembagaan dan Undang-Undang 'adat itu sendiri, yang berlukis berlembaga, berhadis berfirman, bertungkul berpomarasan, nan diucap dipakai sebagai prinsip per'adatan bagi setiap orang yang ber'adat.

Dato' Maharaja Lela,  
Zirhami bin Haji Abdul Samad,  
Tua Lembaga Waris Kelana,  
Lorong 5, Kampung Bharu Pantai,  
Seremban,  
NEGERI SEMBILAN.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1407 ربیع الاول 13

20hb. November, 1986

Qauluhu'l-hak

Y.A.B. Dato' Menteri Besar,  
Negeri Sembilan,  
Dato' Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, DSNS, PMC.,  
Pejabat Menteri Besar,  
70502 Seremban.

PER: PERLANTIKAN DAN PERISYTIHARAN BAKAL PENYANDANG  
BARU Y.A.M. DATO' KELANA PETRA UNDANG  
LUAK SUNGAI UJONG YANG KE 10

Y.A.B. Dato' ,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bahawa saya Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana, dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas dan kepada surat daripada Dewan Ke'adilan dan Undang bil.(59)Jlm. SUIDKU.2C/83 Pt 11 bertarikh 3hb. Mac, 1986 yang di'alamatkan kepada kerani Balai Undang, bagi penglaksanaan perlantikan dan pengisytiharan Bakal Penyandang Baru Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke 10 maka suka saya menyaran-kan disini untuk tindakan Y.A.B.Dato' serta Dewan Keadilan dan Undang dan tindakan kami Waris-Waris Kelana selanjutnya.

2. Memandangkan kekosongan jawatan ini telah memakan masa lebih dari tiga tahun maka saya rasa adalah menjadi tugas bersama baik dari pihak Dewan mahu pun dari pihak Y.A.B. Dato' dan kepada sesiapa sahaja yang ada perkaitannya dengan tugas-tugas perlantikan seperti empat Lembaga Tiang Balai yang telah gagal mengadakan perundingan disebabkan keengganahan Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin dan Dato' Dagang Paroi Mohd Nor bin Abdul-Lah mewatuhui arahan Dewan Keadilan dan Undang mengikut garis pu-duan yang telah ditetapkan.

Oleh itu setelah merundingkannya dengan Lembaga Tiang Yang Ke-10 pentingnya di Luak Sungai Ujong sesudah Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin iaitu Unto' Sri Maharaja Azman bin Jamlus yang diiktiraf oleh Dewan maka beberapa tujuan telah dicapai diantara saya dengan Dato' Sri Maharaja juga untuk menyegerakan perlantikan dan pengisytiharan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke 10 ini dengan berpandukan keputusan Dewan.

Sebagai Tua Lembaga Waris Kelana, mewakili pihak Waris as, Ibu Ibu Soko, Buapak-Buapak, Dato' Unto' Lembaga , seterusnya baya yang Tiga, Waris-Waris di Darat Luak Sungai Ujong , saya mengharapkan pihak Y.A.B. Dato' dan pihak Dewan Keadilan dan yang dapat memberikan kerjasama untuk saya menjalankan tugas dalam Lembaga Tiang Balai yang masih patuh kepada arahan Dewan adilan dan Undang Negeri Sembilan iaitu sesudah saya dapatti ' Andelika Mendelika sebagai Tiang Balai Utama Luak Sungai Ujong hak patuh akan arahan-arahan Dewan menjalankan tugas.Tugas ini saya sukan adalah berpandukan kepada Trombo 'Adat Luak Sungai Ujong dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 , sila li-t salinan surat saya kepada Y.A.B bertarikh 21hb. Oktober, 1986. sebagai Tua Lembaga Waris Kelana saya juga bertanggung-jawab bal menentukan sesiapa yang patut jadi Unto' Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong iaitu setelah saya merundingkannya dengan Lembaga Yang Tiga juga Lembaga-Lembaga yang lainnya dalam Luak Sungai Ujong.

Oleh itu sebelum saya menjalankan upacara perlantikan mengikut 'adat istiadat Luak Sungai Ujong terlebih dahulu saya rujukkannya kepada pihak Dewan Keadilan dan Undang untuk memin nasihat dan pandangan berpandukan pada Bab 6 Ceraian 16, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 yang berbunyi:-

- " Hendaklah ada sebuah Dewan Keadilan dan Undang yang dinamakan dalam bahasa Inggrisnya, " The Council of the Yang di-Pertuan Besar and the Ruling Chiefs " yang kemudian dari ini disebut sebagai Dewan untuk menasihatkan atas soal-soal berkenaan dengan 'adat istiadat orang-orang Melayu dimana-mana tempat dalam negeri ini ..... "

Sekian dimaklumkan dan diharap mendapat jawapan dengan segera.

*Almarhum*

( DATO' MAHARAJA LELA )  
ZAMHARI BIN HJ.ABD.RAHMAN

( DATO' AMAR SETIA )  
ABD.RAHMAN BIN DATO'  
KELANA MOHD KASSIM

( DATO' SAHAL )  
DATO' MENTERI  
SAHAL BIN ABD RAOF

( HJ.ZAINUDDIN )  
DATO' RAJA DIMUDA  
HJ.ZAINUDDIN BIN MUSA

( HJ.TAHIR )  
DATO' MAJID  
ABD.GHAFAR BI  
HAJI TAHIR

Salinan Kepada:-

1. Duli Yang Maha Mulia  
Yang Di-Pertuan Besar,  
NEGERI SEMBILAN.

(Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, DK., DMN.,  
DK(Brunoi), DK(Kelantan), DK(Kedah), DK(Selangor), DK(Johor).)

2. Yang Amat Mulia  
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,  
Undang Luak Jelebu.  
KUALA KELAWANG.

(Dato' Haji Musa bin Wahab, DTNS., PJK.).

3. Yang Amat Mulia

Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan,  
Undang Luak Johol.

(Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd Som).

4. Yang Amat Mulia

Dato' Sedia Raja,  
Undang Luak Rombau.

(Dato' Haji Adnan bin Ma'ah, DTNS).

5. Yang Amat Mulia

Tunku Besar Tampin,

(Tunku Syed Idrus bin Tunku Syed Mohammad, DTNS).

6. Yang Amat Mulia

Tunku Besar Sri Menanti.

(Tunku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, DKYR., PPT).

3

7. Yang Amat Mulia

Dato' Shahbandar Sungai Ujong,  
Balai Dato' Shahbandar,  
Kampung Belangkan.

(Dato' Kaptan (B) Shaari bin Haji Hassan, PJK).

8. Yang Berhormat

Tuan Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan,  
Seremban.

(Encik Amirruddin bin Kaharuddin).

9. Yang Berhormat  
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,  
Seremban.  
(Encik Abu Samah bin Nordin).
10. Yang Berbahagia  
Tuan Setiausaha Dewan Ke'adilan dan Undang,  
Istana Hinggap,  
Seremban.  
(Tuan Haji Abdul Hamid bin Lassim).
11. Yang Mulia  
Dato' Sri Maharaja Diraja,  
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong,  
Seremban.  
(Dato' Azman bin Jamlus).
12. Yang Mulia  
Dato' Muda Labu,  
Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong,  
Labu.  
(Dato' Zainuddin bin Haji Abdullah).
13. Yang Berbahagia  
Tuan Pegawai Daerah Seremban,  
70990 Seremban.
14. Yang Berbahagia  
Tuan Pegawai Daerah Port Dickson,  
71000 Port Dickson.

Dalam memperkatakan hak asasi Lembaga-Lembaga 'Adat Waris diBarat yang diterajui oleh Tua Lembaga Waris Kelana yang mempunyai kuasa mutlak atas pesaka ' Undang' ia ada tercatit dalam Terombo 'Adat Luak Sungai Ujong dimana sebahagian daripadanya ada dinukil kembali oleh Tan Sri/Ihno! Haji Abdul Samad Idris dalam bukunya yang berjodol ' Negeri Sembilan dan sejarahnya ' Muka Surat 61 dalam perenggan yang berbunyi:-

" Waris Kelana, dua orang 'Ibu Bapa ialah Dato' Maharaja Lela Waris Hilir dan Dato' Johan Waris Hulu. Dato' Dato' ini berkuasa memilih se-siapa yang patut menjadi Dato' Kelana Sungai Ujong. Sebenarnya Dato' Dato' yang dikatakan Waris Kelana ialah ' Ibu-Bapa ' kepada dua keturunan Perut yang tertinggi diSungai Ujong iaitu Waris Hilir dan Waris Hulu."

Membaca dan meneliti akan perenggan ini maka tidak ada sesiapa yang bolih mengatakan dari segi adatnya bahawa hak menentukan pesaka ' Kelana' itu bukan hak Dato' Maharaja Lela dan Lembaga Yang Tiga dalam menentukan 'adat mereka. Kalau hak ini yang ternyata sebagai hak asasi mereka ~~Waris-Waris~~ diBarat cuba diketepikan oleh pehak pehak yang tertentu, sekali pun pehak Dewan Ke'adilan dan Kerajaan, maka ini pada hemat kita yang patuh kepada Undang-Undang dan menyanjung prinsip Perlembaga'an adalah perluatan yang bertentangan samasekali dengan apa yang dikatakan ' ke'adilan ' juga bolih ditakrifkan mencemarkan Perlembagaan yang juga berasaskan prinsip 'Rukun Negara' untuk menjamin ketenteraman dan keharmonian hidup bermasyarakat.

Dalam konteks penyusunan masyarakat kenegaraan seperti diMalaysia ini umpamanya, maka hak kedaulatan wilayah (Luak) itu juga dilindungi. Ini adalah berdasarkan article 181 (1) Perlembagaan Perserikatan yang berbunyi:-

" Tertakluk kepada peruntukan Perlombagaan ini, kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja dan hak ke-daulatan kuasa dan bidang kuasa Pombesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinemati hingga sekarang tetap tidak tersentuh ."

Jadi diLuak Sungai Ujong ini walau pun dimasa ketiadaan Undangnya namun andika dan kuasa Undang tetap ada dan ujud ditangan Waris-Warishnya iaitu Waris Kelana yang diterajui oleh Tua Lembaga Warisnya Dato' Maharaja Lela yang pada asasinya berhak menentukan dan mengujudkan ' Undang Kelana ' mengikut proses per'adatan yang ber-pandukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan yang memperuntukkan dalam Bab 5 (1) Ceraian 14 (1) sebagaimana yang dijelaskan dalam bab-bab yang lalu.

Bahkan dalam penyelenggaraan untuk mengujudkan keharmonian hidup dikalangan masyarakat antara bangsa pun hak asasi itu tetap mendapat tempat yang wajar. Ini terbukti dalam perisyntiharan Piagam Hak Asasi Manusia Sejagat, 1948 yang mengisyntiharkan seperti berikut:-

" Adalah menjadi satu perkara yang mustahak, jika kita tidak mahu manusia memberontak terhadap pemerintahan kuku besi, kekejam-an dan penindasan, maka hak-hak asasi manusia wajiblah dilindungi oleh kedaulatan Undang-Undang ."

Demi untuk menjaga hak-hak asasi itu maka kuasa yang ada pada Kerajaan dan Dewan Tertinggi 'Adat dinegeri ini harus pula dirujukkan kepada Perlombagaan yang tercatit untuk melaksanakan tugas Undang-Undang. Kuasa itu tidak boleh digunakan mengikut hawa nafsu.

Kelanjutan kekosongan jawatan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini mungkin disebabkan oleh:-

- (1) Adanya penyelewengan dari ketua-ketua 'adatnya sendiri.
- (2) Kecuaian dan kelembapan pihak Dewan Ke'adilan dan Undang dan mungkin ketidak-mampuan anggota-anggotanya atau ada pihak anggota-anggota Dewan mempunyai kepentingan dengan menggunakan kesempatan dari krisis ini sebagai peluang mereka yang mengandungi unsur-unsur niat untuk memenuhi kehendak sesuatu pihak serta cuba memutar-belitkan Undang-Undang dan Perlembagaan yang termaktub.
- (3) Kelemahan pentadbiran Kerajaan yang tak dapat mencari jalan untuk mengatasi krisis ini atau mungkin ada jalannya tetapi tidak diusahakan dengan alasan tidak boleh campur tangan dalam masa 'alah 'adat .
- (4) Atau pihak Kerajaan lebih suka kekosongan jawatan penting ini berlanjutan sebab Kerajaan dapat menyelamatkan sebahagian peruntukan yang diperuntukan kepadanya.

Tetapi walau apa pun yang telah dan akan terjadi amatlah tidak wajar sekali pihak Dewan Keadilan dan Undang dan pihak Kerajaan sengaja membiarkan kekosongan jawatan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini berlanjutan sehingga memakan masa lebih dari tiga tahun. Perbuatan ini amatlah bertentangan samasekali dengan konsep ' Cekup, bersih dan amanah ' yang dijadikan slogan Kerajaan. Malah dari segi lainnya ternyata menunjukkan kelemahan pentadbiran Kerajaan Negeri juga kelembapan pihak Dewan Ke'adilan dan Undang sebagai Dewan tertinggi 'adat disamping ketidak-mampuan anggota-anggota Dewan dalam memberikan pandangan dan

nasihat dalam menyelesaikan masa'alah per'adatan yang jika mengikut lunas peraturannya boleh diselesaikan dalam masa yang singkat kerana Perbilangan 'adat itu sendiri ada mengatakan:-

" Tak ada kusut yang tak boleh diselesaikan  
Tak ada keruh yang tak boleh dijernihkan  
Kusut rambut cari minyak dan sikat  
Kusut benang cari hujung dan pangkal."

Ungkapan ini bermakna semua kekusutan itu boleh diatasi asalkan sahaja mereka yang bersengketa mahu mengikut peraturan dan garis panduan yang juga diselaraskan dari Perbilangan 'adat yang berbunyi:-

" Sesat dihujung jalan balik kepangkal jalan  
Sesat dihujung kata,balik kepangkal kata  
Salah patuk dikeluarkan  
Salah luluh dimuntahkan  
Salah bertimbang, "kufur bertaubat ."

Tetapi nampaknya yang salah tetap tak mahu mengaku akan kesalahan dan kesilapan mereka, seumpama dua Lembaga Tiang Balai yang terlibat iaitu Dato' Andelika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin dan Dato' Dagang Paroi Mohd Nor bin Abdullah yang tetap angkuh dengan menentang segala garis panduan yang diberikan oleh Dewan Ke'adilan dan Undang.

Sepatutnya penyelesaian persengkotaan ini boleh dilakukan lebih awal sekali pun tanpa Dato' Andelika Mendelika dan Dato' Dagang Paroi dengan syarat pihak Dewan dan pihak Kerajaan sama-sama 'arif dan bijaksana tentang selok belok per'adatan, berwibawa, 'adil dan tegas melaksanakan tugas dan amanah. Tak ada sebab Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini tak boleh diujudkan. Tetapi disebabkan Dewan Ke'adilan dan Undang sendiri kadang kala tak dapat wifungsi sebagai Dewan untuk melaksanakan ke'adilan dan amanah. Sebagai contohnya ini pernah terjadi sebelum ini dalam pertikaian 'adat Luak Sungai Ujong dimana Dewan Ke'adilan dan Undang cuba menidakkann andika dan kuasa Undang Luak Sungai Ujong dengan membuat arahan su-

paya pemilihan pesaka Dato' Muda Linggi ( yang secara langsung dibawah tadbir Undang Luak Sungai Ujong ) dilaksanakan melalui sistem ala-pilihanraya tanpa perstujuan Dato' Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong. Tindakan Dewan ini juga ternyata dilakukan luar dari peraturan 'adat istiadat yang teruea dan terpakai dalam Luak Sungai Ujong khasnya dan dikeseluruhan Negeri Sembilan 'amnya. Dan apa yang menjadi pokok persoalan bahawa pehak Kerajaan Negeri juga turut terlibat dengan mengeluarkan peruntukan yang agak besar dalam penglaksanaan pemilihan cara ala-pilihanraya itu dibuat sedang hasilnya adalah menghampaskan . Bak kata orang , " arang habis , besi binasa , tukang berkerja penat sahaja."

Sepatutnya tindakan yang seperti ini bolih dijadikan satu panduan oleh Pehak Dewan mahu pun pehak Kerajaan supaya pisang tak berbuah dua kali. Jika diteliti dalam masaalah pertikaian perlantikan Dato' Muda Linggi ini yang tertakluk dibawah tadbir Luak Sungai Ujong bahawa Tindakan Dewan Keadilan dan Undang sendiri adalah bercanggah dengan Perlombagaan dan Undang-Undang. Hal ini dapat diketahui bahawa ada diantara anggota-anggota dari Dewan berkehendakkan calun Dato' Muda Linggi dilantik untuk memenuhi kehendak sesuatu pehak . Tetapi walau bagaimana pun sesudah adanya protes dan kecaman dari pehak yang mempertahankan keunggulan sistem 'adat berpandukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 di perenggan 32 yang berbunyi :-

BAHAGIAN FERTAMA

32. Dikecualikan sebagaimana yang ada di nyatakan dalam ini, maka bahagian ini tiadalah menyentuh Aturan dan Adat Negeri Sembilan zaman Purbeckala, tetapi aturan dan Adat zaman Purbakala itu mana-mana yang tidak berlawanan kehendaknya dengan Bahagian ini akan berjalan seperti dahulu juga ."

maka Dewan telah menyedari akan kesilapannya telah memulangkan kembali hak mutlak Undang Luak Sungai Ujong untuk melantik Dato' Muda Linggi mengikut sistem 'adat Luak Sungai Ujong dan mengikut apa yang termaktub di perenggan 32 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 seperti yang disebutkan diatas.

Bagitu pula dalam pertikaian sekarang ini iaitu pertikaian bagi menentukan pesaka 'Dato' Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong sendiri maka Dewan Ke'adilan dan Undang Negeri Sembilan tidak sewajarnya melakukan kesilapan lagi dengan mengambil kira bahawa 'Adat di Sungai Ujong ini adalah hak Sungai Ujong, dan dalam Teromba 'Adat Luak Sungai Ujong ada dijelaskan bahawa Pesaka Kelana itu adalah hak Waris Kelana, sedang Waris Kelana itu ada Tua Lembaganya yang menjadi ketua pemegang teraju bergolar Dato' Maharaja Lela untuk menarajui dan mengawasi segala geraklangkah Waris-Warisnya. Dicatitkan juga bahawa Tua Lembagga Waris Kelanalah yang memegang tali pesaka yang ditakrifkan bolih menentukan seseorang calun Undang. Tetapi Dato' Andelika Mendelika cuma mencerajui tali 'adat diperengkat Balai yang kurang pengetahuan untuk menilai hak pesaka apa lagi Kedudukannya sebagai Tiang Balai Utama Luak Sungai Ujong beliau tidak mempunyai hak menentukan benih dan calun. Malah disegi 'adatnya beliau hanya bolih menerima calun yang dikemukakan oleh Lembaga Waris Kelana sesudah di proses mengikut 'adat. Bahkan dalam 'Adat Sungai Ujong Dato' Andelika Mendelika itu sendiri tidak akan berfungsi kedudukannya kalau tidak diiringi oleh Lembaga Yang Tiga; sebab itu 'adat Sungai Ujong menyelaraskan Perbilangannya yang berbunyi:-

" Tiga Persukan Satu Lembaga ."

Demikian juga seterusnya apa juga bentuk dan bidang kuasa Dato' Dato' yang lainnya sekali pun Dato' Shahbandar mempunyai hak tetapi mengikut takrif hak dilengkongan perbatasan masing-masing disegi 'adat is tiadat namun hak dilengkongan menentukan 'Pesaka Undang' hanya terhad kepada Waris-Waris Kelana sahaja.

Dato' Maharaja Lela,  
 Zamhari bin Haji Abdul Rahman,  
 Telapak Dato' Maharaja Lela,  
 Kampung Bahru Pantai,  
 SEREMBAN.

بسم الله الرحمن الرحيم

14 رمضان 1407  
 12hb. Mei , 1987

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,  
 Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan,  
 d/a Istana Hinggap,  
 SEREMBAN,

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
 Sembah patik mohon diampun,

Adalah patik Dato' Maharaja Lela sebagai Tua Lombaga Waris Kelana berserta Lombaga Tiga Persukuandi-Pantai merafakkan sembah ta'zim Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai raja yang berkeadilan, maka tiadalah sekali-kali patik sakalian berpaling sembah untuk melaksanakan tugas dan tanggong-jawab patik bagi menyempurnakan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Kesepuluh ini.

Setelah diperbincangkan dengan teliti melalui Ibu-Ibu Soko dan Waris-Waris serta diperkuatkan oleh Lombaga Yang Tiga iaitu :-

1. Dato' Mentari ( Suku Semelenggang )
2. Dato' Raja Dimuda ( Suku Biduanda )
3. Dato' Maharaja Inda ( Suku Batu Hampar )

Ketiga-tiganya ini berfungsi sebagai penyuluh adat di-Pantai atau dengan perkataan lainnya mengikut perbilangan 'Adatnya :-

" Menebang kayu nan sebatang  
Mencanteh akar nan seholai  
Melambuk tanah nan sabungkah  
Membuka-belah negeri berpenghulu ".

Maka bulatlah patik patik sakalian memilih Raja Azman bin Raja Amir dari Perut Hilir menyandang Pesaka Dato' Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong Yang Kesepuluh.

Patik bagi pehak Dato' Dato' Lembaga Luak Sungai Ujong serta ahli-ahli Waris sakalian menjunjong kasih atas lempah kurnia Kebawah Duli Tuanku bagi menyegekan perlantikan ini.

Sekian, adalah patik patik pacal yang menjunjong titah.

.....  
(DATO' MAHARAJA LELA)  
ZAMHARI BIN ABD.RAHMAN

.....  
(DATO' MENTERI) (DATO' RAJA DIMUDA) (DATO' MAHARAJA)  
SAHAL BIN ABD.RAOF H.J.ZAINUDDIN BIN MUSA ABD.GHAFAR BI  
HAJI TAHIR

Mudah-mudahan Allah memberkati usaha kita mempertahankan hak.

Mudah-mudahan Allah memelihara perpaduan kita demi untuk menegakkan kebenaran.

Mudah-mudahan Allah memberikan taufiknya kepada kita di masa kita menempuh kesulitan.

Mudah-mudahan Allah akan mengampuni segala dosa dan kesalahan kita.

5. DAN apakala sampai pada hari raya yang kedua di-dalam atoran yang dahulu tiada-lah pula Undang Yang Empat datang mengadap beta di-dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh di-perbuat-nya apa-apa peratoran di-dalam luak-nya masing-masing, akan tetapi jikalau beta membuat sa-suatu pekerjaan yang besar saperti nikah kahwin dan sunat rasul beta persilakan Undang Yang Empat hendak-lah Undang Yang Empat menyempurnakan dari hal itu.
6. JIKA Yang Di-Pertuan itu mangkat maka sa-harus-nya-lah Undang Yang Empat itu membawa persembahan emas manah alakadar masing-masing dan saperti wang emas manah itu sa-patut-nya di-keluarkan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.
7. SHAHADAN hendak-lah Undang Yang Empat itu berkebulatan dan berkerapatan memileh di-dalam putera itu di-tabalkan jadi Yang Di-Pertuan mengikut sa-bagaimana istiadat peratoran menabalkan Yang Di-Pertuan dahulu itu juga, demikian-lah ada-nya.

Termaktub pada 8 haribulan Zulhijjah sunnah Muhamadiah 1315 berbetulan dengan 29 haribulan April, Tahun Masehi 1898.

Perjanjian ini di-tanda-tangani oleh Tuanku Muhamad Shah, Tuan E. W. Birch British Resident, Dato' Kelana Putera Ma'amor dan Dato' Bandar Haji Ahmad, Dato' Jelebu Abdullah, Dato' Johol Saeto dan Dato' Rembau Haji Siron bin Sidin.

Dinukil kembali dari buku

" NEGERI SEMBILAN DAN SEJARAHNYA "  
 Olih: Abdul Samad Idris  
 Sekarang Tan Sri/Dato'  
 (M.S.42)

Address to the new Dato' Klan read by the Dato' Andika on  
26th March 1946

"Adat Istiadat di-dalam Luak Sungai Ujong, Negri Sembilan.

Ia itu siapa juz menjadi Undang Luak Sungai Ujong hendak-lah menjalankan atau memakai 'adat istiadat (peraturan) ini,

1. Di-anjak layu di-chabut mati dua perkara  
 (a) 'adat yang berlukis berlembaga bertunggal berpemarasan  
 (b) hukum yang berhadis berperman dan kitab yang berlapaz berma'ana.

2. Lembaga Tiang Balai  
 1. Dato' Andulika Mandulika  
 2. Dato' Maharaja di-Raja  
 3. Dato' Akhirzaman

dan menchukupi ampat dengan salah se-orang datipada dato' yang bergajah tunggal.

3. Dato' bergajah tunggal ia-itu bukan-nya Lembaga Tiang Balai.  
 1. Dato' Muda Labu  
 2. Dato' Dagang Paroi

4. Undang memerentah di-dalam luak, lembaga memerentah di-dalam lingkongan, tua memerentah di-dalam suku, ibu bapa memerentah anak-buah-nya.

5. Chari-charian dalam anak buah; kusut menyelesaikan terhak kapada ibu buaha. Tidak habis pada ibu buaha pulangkan kapada tua, ia itu salah memberi benar-nya, terhak kapada tua. Tidak habis pada tua di-sampaikan kapada lembaga. Bertunggul di-taroh jika kesat di-mempelasi. Jika habis pada lembaga kata sudah perbuatan habis. Jika tidak habis pada lembaga di-sampaikan kapada Undang, ia itu keras minta takikkan and tinggi minta sigaihan kapada Undang.

6. Sah batal kapada lembaga; hidup mati kapada Undang; tali pengikat pada lembaga; pedang memanchong pada keadilan.

7. Undang dudok kapada 'adat Undang. Lembaga dudok kapada 'adat lembaga. Tua dudok kapada 'adat tua. Ibu buaha dudok kapada 'adat ibu buaha dan anak buah dudok kapada 'adat anak buah.

8. Tuu di-dalam waris Undang  
 (a) Waris Ulu Dato' Johan tetap di-Ulu sahaja.  
 (b) Waris Ilir Dato' Maharaja Lela tetap di-Ilir sahaja.  
 Ibu buaha-nya Dato' Lela Bangsa, Dato' Sisama Mentri, tetap di-Ilir sahaja.

J. M. Gullick      1949] Royal Asiatic Society.

Journal Malayan Branch [Vol. XXII, Pt. II,  
 (M.S.66)]

"اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ لَا حُجَّةٌ بَيْنَنَا  
وَبَيْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ يَجْمِعُ بَيْنَنَا وَإِنَّهُ الْمَعْصِيرُ . رَبَّنَا افْتَحْ  
بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْنَا بِالْحَقِّ وَإِنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ ."

"Allah Tuhan kami dan Tuhan kamu, untuk kami amalan kami dan untuk kamu amalan kamu, tak ada faedahnya pertahanan di antara kita. Allah akan menghimpulkan antara kita dan kepadanya tempat kembali. Ya Tuhan kami berilah keputusan antara kami dan kaum kami dengan kebenaran dan Engkaulah sebaik-baik Hakim."